

7

Perdagangan Luar Negeri, Imbangan Pembayaran dan Pertukaran Wang Asing

Prestasi Eksport

Pertumbuhan eksport kasar yang dijangka kukuh sebanyak 21.6% pada tahun 1995, dapat diperbandingkan dengan pertumbuhan tinggi sebanyak 26.8% yang dicatatkan pada tahun 1994. Prestasi yang terus kukuh ini adalah disebabkan oleh jangkaan pertumbuhan cergas eksport perkilangan (24%) hasil permintaan luar negeri yang terus kukuh, ekoran pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian utama yang menggalakkan. Walaupun pertumbuhan eksport perkilangan adalah lebih rendah dari tahun 1994 (33.9%), sumbangannya kepada jumlah eksport dagangan dijangka akan meningkat lagi daripada 78.1% pada tahun 1994 kepada 79.7% pada tahun 1995. Eksport sektor perlombongan dijangka berpulih dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.2% (1994: -15.6%), terutamanya hasil daripada keluaran dan harga petroleum mentah dan gas asli cecair yang lebih tinggi. Eksport barangan pertanian dijangka terus meningkat sebanyak 11.3% pada tahun 1995 (1994: 18%), terutamanya disebabkan peningkatan eksport getah (42.8%) dan minyak kelapa sawit (14.9%) berikutan harga-harga barangan ini yang lebih tinggi di pasaran dunia. Walau bagaimanapun, sumbangan eksport pertanian dan perlombongan utama kepada jumlah pendapatan eksport dijangka merosot daripada 18.6% pada tahun 1994 kepada 17% pada tahun 1995.

Eksport Barangan Perkilangan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, eksport barangan perkilangan meningkat sebanyak 21% dan menyumbangkan kira-kira 78.1% daripada jumlah pendapatan eksport dagangan. Oleh kerana permintaan luar negeri dijangka terus kukuh bagi


Jadual 7.1

Eksport Perkilangan

	% perubahan		
	1994 (% sumbangan)	1994 Januari-Julai	1995 Januari-Julai
Keluaran elektrik, elektronik dan jentera	63.6	38.4	23.8
Tekstil, pakaian dan kasut	5.1	9.1	8.0
Makanan, minuman dan tembakau	2.6	20.9	19.0
Kayu dan keluaran kayu	4.9	35.2	0.9
Keluaran getah	2.3	14.3	12.5
Keluaran petroleum	1.8	1.5	62.2
Kimia dan keluaran kimia	4.4	38.6	56.3
Keluaran galian bukan logam	1.2	36.1	19.3
Besi dan keluli dan barang perkilangan logam	3.1	11.9	15.7
Kelengkapan pengangkutan	4.8	35.3	-8.6
Lain-lain	6.2	6.9	8.1
JUMLAH	100.0	31.0	21.0
Sumber: Jabatan Perangkaan			

tempoh baki tahun 1995, eksport barangan perkilangan untuk keseluruhan tahun 1995 dianggarkan mencatatkan pertumbuhan yang ketara sebanyak 24% berikutan pertumbuhan sebanyak 33.9% yang telah dicatatkan dalam tahun

Carta 7.1
Struktur Eksport



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah
Sumber : Jabatan Perangkaan

1994. Pertumbuhan pesat yang berterusan ini mencerminkan permintaan mampan dari rakan dagangan utama Malaysia dan juga dari pasaran baru. Peningkatan permintaan luar negeri telah dapat dipenuhi oleh perkembangan keupayaan pengeluaran sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Sebahagian besar kategori barangan perkilangan mencatatkan peningkatan eksport dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Peningkatan yang ketara ini telah dicerminkan oleh pertambahan eksport keluaran elektrik, elektronik dan jentera sebanyak 23.8%, keluaran petroleum sebanyak 62.2% dan keluaran kimia dan barangan berkaitan sebanyak 56.3%. Walau bagaimanapun, eksport kelengkapan kenderaan merosot sebanyak 8.6% disebabkan permintaan dalam negeri yang meningkat dengan pesat. Keluaran elektrik, elektronik dan jentera masih

menguasai pasaran eksport dan menyumbangkan 64.5% daripada jumlah eksport barangan perkilangan dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995.

Amerika Syarikat (AS) masih lagi merupakan pasaran terbesar bagi barangan perkilangan Malaysia, diikuti oleh Singapura, Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun. Eksport-eksport ke destinasi berkenaan berjumlah 73.6% daripada jumlah eksport barangan perkilangan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Eksport-eksport ke pasaran bukan tradisi seperti Hong Kong, Taiwan dan Cina meningkat sebanyak 21.6% dalam tempoh yang sama.

Eksport barangan perkilangan Malaysia masih tertumpu kepada keluaran elektrik dan elektronik serta tekstil dan pakaian manakala pasarannya masih bergantung kepada pasaran tradisi iaitu

Jadual 7.2

**Haluan Negara Utama bagi Eksport
Perkilangan¹**
(% daripada jumlah)

	1994	1995 Januari-Julai
Amerika Syarikat	27	25.4
Kesatuan Eropah:	15.2	15.5
United Kingdom	4.4	4.7
Jerman	3.9	3.8
Jepun	8.7	10.0
Singapura	22.6	22.7
Lain-lain	26.5	26.4
JUMLAH	100.0	100.0

¹ Termasuk SITC 1, 5, 6, 7 dan 8.

Sumber: Jabatan Perangkaan

AS, Singapura, EU dan Jepun. Kelemahan-kelemahan struktur ini perlu diperbaiki dengan usaha yang berterusan untuk mempelbagaikan asas eksport barangan perkilangan serta mencari pasaran-pasaran baru. Kaji selidik Arah aliran Perindustrian Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysian (MIDA) yang terakhir menunjukkan bahawa usaha-usaha tersebut telah dipertingkatkan dengan bertambahnya bilangan pengeluar yang telah memperluaskan saluran agihan mereka ke pasaran bukan tradisi khususnya ke rantau Asia Pasifik serta negara-negara Latin Amerika. Usaha-usaha ini dijangkakan akan menambahkan jumlah dagangan bagi sektor perkilangan supaya sektor tersebut meningkatkan pengeluaran pada kadar efisien.

Selaras dengan liberalisasi perdagangan yang berlaku di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) serta kemungkinan AS menarik balik Sistem Keistimewaan Am (GSP) pada Januari 1997, sektor perkilangan lebih-lebih lagi perlu mempelbagaikan asas eksport dan pasaran serta memperbaiki kecekapan untuk mempertingkatkan daya saing.

Keluaran Elektrik, Elektronik dan Jentera

Eksport **keluaran elektrik, elektronik dan jentera** meningkat dengan ketara sebanyak 23.8% dengan pendapatan berjumlah RM51.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: RM41.3 bilion). Di samping mengekalkan kedudukannya sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan sektor perkilangan, industri ini merupakan punca pertukaran asing terbesar di kalangan sektor perkilangan, menyumbangkan sebanyak 64.5% kepada jumlah nilai eksport perkilangan dalam tempoh tersebut. Perkembangan eksport industri ini yang berterusan, adalah disebabkan oleh permintaan yang kukuh bagi komponen elektrik terutama injap dan tiub thermionik, litar elektrik dan kelengkapan telekomunikasi dari negara perindustrian utama.

Eksport **keluaran elektronik** yang merangkumi komponen elektronik, elektronik pengguna dan elektronik perindustrian meningkat dengan kukuh sebanyak 25.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan peningkatan 12.4% yang dicapai dalam tempoh yang sama tahun 1994. Prestasi eksport keluaran elektronik yang lebih baik ini disebabkan sebahagian besarnya oleh kepesatan perkembangan eksport komponen elektronik. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, eksport komponen elektronik meningkat sebanyak 25.9% kepada RM16.9 bilion, didorong oleh peningkatan ketara eksport komponen-komponen ini ke AS, Singapura dan UK. Dalam masa yang sama, eksport elektronik perindustrian, meliputi mesin pejabat, mesin pemproses data automatik dan kelengkapan telekomunikasi mencatat pertumbuhan eksport yang memberangsangkan sebanyak 19.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan 54.7% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Di sokong oleh permintaan luar negeri yang kukuh, eksport sektor kecil elektronik pengguna meningkat sebanyak 29.9% dengan eksport alat terima siaran televisyen meningkat sebanyak 24.2% (Januari-Julai 1994: 41.1%), perakam suara 25% (Januari-Julai 1994: 59.3%) dan alat terima siaran radio 37.6% (Januari-Julai 1994: 37.4%)

Eksport **keluaran elektrik** juga menunjukkan arus yang meningkat dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Eksport yang merangkumi kelengkapan elektrik perindustrian, barang-barang elektrik kegunaan isi rumah, kabel dan dawai sebagai satu kumpulan mencatatkan pertumbuhan

Jadual 7.3

Haluan Negara Utama Bagi Eksport Komponen Elektronik
(Januari-Julai)

Negara	1994		1995		Perubahan tahunan (%)
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	
Amerika Syarikat	4,723	35.1	5,630	33.2	19.2
Singapura	2,965	22.0	4,143	24.4	39.7
United Kingdom	993	7.4	1,393	8.2	40.3
Jepun	1,128	8.4	1,204	7.1	6.7
Hong Kong	914	6.8	1,077	6.4	17.8
Taiwan	547	4.0	832	4.9	52.1
Lain-lain	2,192	16.3	2,670	15.8	21.8
TOTAL	13,462	100.0	16,949	100.0	25.9
Sumber: Jabatan Perangkaan					

sebanyak 23.7% kepada RM4.1 bilion berbanding dengan 22.2% dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Eksport keluaran elektrik perindustrian, meliputi kelengkapan pengaliran elektrik dan mesin kelengkapan elektrik, berjumlah RM2.6 bilion atau peningkatan sebanyak 28.7% (Januari-Julai 1994: 30%). Eksport **barang-barang elektrik** yang sebahagian besarnya mengandungi barang-barang kegunaan isi rumah (peti sejuk, periuk nasi, seterika elektrik dan lain-lain) meningkat sebanyak 11.3% (Januari-Julai 1994: 9.4%) dalam tempoh yang sama, selaras dengan peningkatan permintaan luar negeri terutamanya dari negara-negara Asia Pasifik termasuk AS. Dalam masa yang sama, eksport **kabel dan dawai** (mengandungi berbagai jenis kabel elektrik dan kabel telekomunikasi) turut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 29.3%, setelah meningkat sebanyak 19.8% dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Eksport **jentera** yang terdiri daripada jentera penjaan tenaga dan peralatan, jentera khusus bagi perusahaan tertentu, jentera kerja logam dan

jentera dan kelengkapan perusahaan am serta peralatan, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 19.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995 berikutan dengan pertumbuhan sebanyak 47.6% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Pertumbuhan yang kukuh ini disebabkan permintaan luar negeri bagi jentera dan kelengkapan perusahaan am serta peralatan meningkat sebanyak 30.4% (Januari-Julai 1994: 32%) berikutan prestasi ekonomi yang lebih pesat di negara pengimport iaitu AS, United Kingdom (UK) dan Jepun.

Bagi tahun 1995 eksport keluaran elektrik, elektronik dan jentera dijangka berkembang pada kadar kira-kira 24% berdasarkan prestasi eksport yang kukuh dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini dan dijangka akan berterusan dalam tempoh lima bulan akan datang. Prospek untuk eksport keluaran elektrik dan elektronik dijangka terus memuaskan, memandangkan permintaan yang kukuh bagi keluaran-keluaran barangan elektrik untuk kegunaan perdagangan dan pengguna di peringkat antarabangsa.

Tekstil, Pakaian dan Kasut

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995, eksport **tekstil, pakaian dan kasut** meningkat sebanyak 8% (Januari-Julai 1994: 9.1%) kepada RM3,595 million. Pada paras ini, sektor ini merupakan punca pendapatan pertukaran asing yang ketiga terbesar dan menyumbangkan 4.5% daripada jumlah eksport perkilangan. Punca utama pertumbuhan adalah sektor-kecil benang tekstil dan kain yang meningkat sebanyak 32%, berikutan permintaan yang meningkat daripada EU, AS, Kanada dan Jepun. Eksport pakaian dan segala kelengkapan pakaian kecuali sarung tangan pembedahan merosot sebanyak 5%. Namun demikian sektor kecil ini menyumbangkan bahagian yang terbesar sebanyak 50.2% daripada jumlah eksport industri tekstil, pakaian dan kasut. Walau bagaimanapun, eksport kasut merosot dengan ketara sebanyak 13.8% akibat kemerosotan permintaan luar negeri disebabkan persaingan yang meningkat dari pengeluar-pengeluar kos rendah seperti Indonesia, Cina dan Brazil.

Pasaran terbesar bagi eksport pakaian dan segala kelengkapan pakaian adalah AS dengan bahagiannya sebanyak 46.7% diikuti oleh EU 32.7%. AS, EU dan Kanada adalah pasaran berkuota di bawah Peraturan Pelbagai Serabut (MFA) dan menguasai 82.4% daripada eksport pakaian dan kelengkapan pakaian Malaysia.

Jadual 7.4

Eksport Tekstil, Pakaian dan Kasut (RM juta)

Tahun	1994	1994 (Januari-Julai)	1995 (Januari-Julai)
Tekstil	2,172.6	1,175.0	1,551.5
Pakaian	3,560.8	1,900.0	1,806.0
Kasut	317.8	186.0	160.4
Lain-lain	117.7	68.0	76.8
JUMLAH	6,168.9	3,329.0	3,594.7

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 7.5

Haluan Utama bagi Eksport Pakaian¹ (RM juta)

	1994	1994 (Januari-Julai)	1995 (Januari-Julai)	Perubahan tahunan (%)
Amerika Syarikat	2,628.0	1,400.1	1,408.5	0.6
United Kingdom	526.0	296.3	301.8	1.9
Singapura	330.2	161.9	181.4	12.0
German	381.4	226.3	210.9	-6.8
Lain-lain	1,550.0	850.4	908.1	6.8
JUMLAH	5,415.5	2,935.0	3,010.7	2.6

¹ Termasuk sarung tangan pembedahan

Sumber: Jabatan Perangkaan

Mencerminkan usaha-usaha untuk mempelbagaikan ke pasaran bukan kuota, eksport ke Jepun, Hong Kong dan Singapura meningkat dengan ketara sebanyak 19% dan merupakan 11.8% daripada jumlah eksport pakaian dan kelengkapan pakaian.

Industri pakaian Malaysia masih bergantung kepada import tekstil asas. Import ini terdiri daripada kain sutera, kapas, bulu, serabut dan kain tiruan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995, import tekstil asas meningkat sebanyak 15.4% kepada RM2,738 juta. Sebahagian besar daripada import ini digunakan sebagai input bagi pengeluaran pakaian untuk eksport walaupun terdapat sebahagian yang digunakan untuk pasaran dalam negeri.

Keluaran Kayu

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, pendapatan eksport **keluaran utama kayu** pada keseluruhannya meningkat pada kadar yang kecil iaitu 0.9% kepada RM3.5 bilion berbanding dengan RM3.4 bilion pada tempoh yang sama tahun 1994. Peningkatan kecil ini disebabkan kemerosotan harga eksport sesetengah barangan utama kayu, terutamanya papan lapis. Di samping itu, pendapatan yang berkurangan ini disebabkan

permintaan luar negeri yang lemah terhadap barangan kayu utama terpilih yang meliputi vener dan kayu ukir oleh negara-negara EU, AS dan Negara-negara Timur Jauh termasuk Korea dan Taiwan. Dengan peningkatan pendapatan eksport yang kecil ini, sumbangan industri ini kepada jumlah eksport barangan perkilangan berkurangan kepada 4.4% berbanding dengan 5.2% dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Dari segi jumlah, eksport **papan lapis** meningkat sebanyak 10.6% kepada 1.7 juta meter padu dalam tempoh separuh pertama tahun 1995 berikutan peningkatan import oleh negara-negara Asia Barat termasuk Kuwait, Republik Yemen dan Negara-negara EU terutama Denmark dan Itali. Di samping itu, Korea Selatan dan Jepun turut meningkatkan import masing-masing sebanyak 221% dan 124% bagi memenuhi keperluan dalam negeri, berikutan peningkatan aktiviti pembinaan. Walau bagaimanapun, nilai seunit eksport papan lapis telah berkurangan sebanyak 14.6% dalam tempoh tersebut, disebabkan sebahagian besarnya oleh penawaran papan lapis yang berlebihan di pasaran dunia. Oleh yang demikian pendapatan eksport berkurangan sebanyak 5.8% kepada RM1.7 bilion berbanding dengan peningkatan sebanyak 63% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Pendapatan eksport **vener** juga merosot sebanyak 17.8% disebabkan kemerosotan jumlah eksport serta nilai eksport dalam tempoh berkenaan.

Eksport perabot dan komponen perabot walau bagaimanapun, meningkat sebanyak 16.1% daripada RM716 juta kepada RM831 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1995. AS, Singapura, Taiwan, Jepun dan UK kekal sebagai pasaran perabot dan komponen perabot Malaysia yang utama dengan sumbangan sebanyak 81% daripada jumlah eksport dalam tempoh tersebut. AS yang merupakan pengimport terbesar, meningkatkan importnya sebanyak 10.3% sementara eksport ke Taiwan meningkat sebanyak 26% dan Jepun sebanyak 52.6%. Prospek bagi meningkatkan eksport perabot dan komponen perabot adalah baik, terutama dengan kejayaan perabot-perabot kayu getah menembusi pasaran terhad EU dan AS. Ini disebabkan perabot kayu getah sesuai dari segi persekitaran di mana bahannya diperbuat daripada kayu yang ditanam dan diterima oleh pasaran-pasaran tersebut.

Keluaran Getah

Pertumbuhan eksport **keluaran getah** dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 adalah sederhana tinggi iaitu sebanyak 12.5% atau RM1.8 bilion berbanding dengan 14.3% dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Pertumbuhan yang sederhana tinggi ini disebabkan terutamanya oleh kemerosotan yang ketara permintaan tayar dari luar negeri. Walau bagaimanapun, pendapatan eksport barangan ini mengekalkan sumbangannya kepada jumlah eksport perkilangan iaitu sebanyak 2.2% ekoran prestasi kukuh bagi eksport barangan yang diperbuat dari getah dan sarung tangan pembedahan.

Dalam tempoh kajian ini, eksport sarung tangan (pembedahan dan bukan pembedahan) yang menyumbang 67.1% daripada jumlah eksport keluaran getah meningkat sebanyak 14.3% kepada RM1,204 juta. Eksport bahan-bahan getah turut meningkat pada kadar yang kukuh sebanyak 10.7% (Januari-Julai 1994: 21.7%) manakala barang-barang yang diperbuat dari getah meningkat sebanyak 15.8% (Januari-Julai 1994: 4.6%). Walau bagaimanapun eksport tayar dan tiub merosot dengan ketara iaitu sebanyak 8.4%, berbanding dengan tiada pertumbuhan pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, disebabkan permintaan luar negeri yang lemah. AS terus kekal sebagai pasaran eksport terbesar bagi keluaran getah Malaysia yang meliputi sarung tangan pembedahan, bebenang getah, catheters dan lain-lain barangan berasaskan getah. Destinasi eksport utama yang lain ialah Negara-negara EU iaitu Germany, UK, Italy dan France. Sementara di Timur, Singapura dan Jepun masih kekal sebagai pengimport utama keluaran getah Malaysia.

Keluaran-keluaran berasaskan susu getah merupakan sebahagian besar daripada jumlah eksport keluaran getah. Walau bagaimanapun, sesetengah daripada keluaran ini terutama sarung tangan pembedahan dan bukan pembedahan, menghadapi persaingan yang kian meningkat daripada keluaran-keluaran yang berasaskan bahan tiruan di pasaran dunia. Dalam hubungan ini, usaha-usaha hendaklah dilaksanakan terutama melalui peningkatan kualiti dan kepelbagaian melalui Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) serta pengukuhan strategi pemasaran, bagi memastikan keluaran-keluaran berasaskan susu getah Malaysia mendapat bahagian pasaran yang lebih luas daripada pasaran dunia.

Makanan, Minuman dan Tembakau

Pendapatan eksport dari sektor **makanan, minuman dan tembakau** meningkat sebanyak 19% kepada RM2 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 20.9%). Pendapatan dapat dikekalkan disebabkan pengembangan eksport minuman terutama minuman beralkohol dan keluaran tembakau sebanyak 36.8% berbanding dengan 6.5% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Dengan peningkatan kukuh eksport makanan, minuman dan tembakau, sumbangannya kepada pendapatan eksport barangan perkilangan kekal lebih kurang sama (2.6%) seperti pencapaian pada tempoh yang sama tahun 1994.

Eksport **keluaran makanan** yang merupakan sebahagian besar daripada eksport industri ini (91%) meningkat sebanyak 16%, kepada RM1.8 bilion dalam tempoh tersebut disebabkan pertambahan eksport keluaran koko, majerin, minyak sawit yang diproses dan keluaran bijirin. Walau bagaimanapun eksport keluaran makanan yang agak kecil seperti daging, sayuran dan buah-buahan mengalami kejatuhan kecil. Eksport daging berkurangan sebanyak 2.8% manakala eksport sayuran dan buah-buahan berkurangan sebanyak 4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995.

Pendapatan eksport **minuman** termasuk minuman beralkohol dan minuman tanpa alkohol meningkat pada kadar tahunan lebih tinggi sebanyak 41.5%, kepada RM124 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 40%). Peningkatan ini didorong oleh peningkatan ketara minuman beralkohol sehingga RM80 juta atau pertumbuhan sebanyak 114% berbanding tempoh yang sama tahun 1994. Dalam masa yang sama, pendapatan eksport keluaran **tembakau** mencatatkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 97% kepada RM86 juta (Januari-Julai 1994: -25%) dalam tempoh kajian ini ekoran permintaan kukuh dari luar negeri.

Keluaran Petroleum

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995 eksport **keluaran petroleum** yang terdiri daripada keluaran petroleum yang ditapis seperti nafta, minyak tanah, bahan pembakar untuk kegunaan kapal terbang,

minyak bahan api, disel dan gasolin serta gas asli dan gas diproses meningkat dengan ketara sebanyak 62.2% kepada RM1,723 juta dan menyumbang 2.2% kepada jumlah eksport barangan perkilangan berbanding dengan kenaikan rendah sebanyak 1.5% dalam masa yang sama tahun 1994. Eksport keluaran petroleum yang ditapis meningkat dengan ketara sebanyak 56% sementara eksport sisa keluaran petroleum meningkat tinggi sebanyak 430%. Pertumbuhan eksport yang pesat ini disebabkan peningkatan keupayaan penapisan selaras dengan siapnya loji penapis '*sweet crude train*' di Tangga Batu Melaka pada pertengahan tahun 1994, pembesaran kilang penapis PETRONAS di Kerteh sebanyak 10,000 tong sehari (tsh) kepada 40,000 tsh pada awal tahun 1995 serta kilang penapis ESSO di Port Dickson kepada 75,000 tsh pada bulan April 1995. Pertambahan pengeluaran minyak mentah serta harga minyak dunia yang tinggi telah mendorong pertumbuhan eksport keluaran petroleum. Eksport propana dan butana cecair meningkat dengan ketara daripada RM3,000 kepada RM115 juta dalam tujuh bulan pertama 1995. Eksport hidrokarbon dalam bentuk gas bertambah sebanyak 19%. Singapura, Jepun dan Korea Selatan terus menjadi pasaran utama bagi keluaran petroleum.

Keluaran Kimia, Petrokimia dan Plastik

Eksport keluaran **kimia, petrokimia, plastik dan barangan berkaitan** meningkat dengan ketara sebanyak 56.3% kepada RM4,121 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 38.6%). Pertumbuhan yang kukuh ini didorong oleh permintaan yang meningkat bagi barang perantaraan kimia, bahan bungkusan serta komponen dari peralatan di negara-negara rakan perdagangan utama Malaysia. Semua sektor dalam industri ini mencatatkan eksport yang lebih tinggi. Eksport plastik dalam bentuk utama termasuk polimer-polimer etilena, stirena, vinil klorida, poliasetal dan resin epoksida mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 91.5%. Perkembangan yang pesat ini disebabkan pengeluaran dalam negeri yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan beberapa loji petrokimia yang besar. Eksport baja meningkat sebanyak 51.3% didorong oleh permintaan luar negeri yang meningkat dan juga pengeluaran dalam negeri

yang bertambah. Eksport kimia organik yang terdiri daripada hidrokarbon, alkohol, fenol dan asid karbosilik naik sebanyak 30.8%, sementara eksport barangan plastik seperti tiub, paip, hos, kepingan, saput dan gegelung meningkat sebanyak 39.6% didorong oleh kegunaan yang bertambah oleh isi rumah dan industri. Eksport sektor kecil bahan kimia lain termasuk racun serangga, racun perosak tanaman, ubat pembunuh kuman, pelekat meningkat sebanyak 196% kepada RM844 juta dan menyumbang 20.5% daripada jumlah eksport kimia, petrokimia, plastik serta barangan berkaitan. Walaupun industri ini pada asasnya berorientasi pasaran dalam negeri, ia merupakan punca pendapatan pertukaran asing yang kedua besar di dalam sektor perkilangan serta menyumbang 5.2% daripada jumlah eksport barangan perkilangan. Dari segi pasaran eskport, negara-negara yang mencatatkan peningkatan permintaan dengan jumlah yang tinggi dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 adalah AS dengan kenaikan sebanyak 45.5%, diikuti oleh Jepun (26.7%), Hong Kong (54.1%) dan Korea Selatan (358.2%). Walau bagaimanapun, Singapura terus menjadi pasaran yang terbesar dan menyumbang 15.1% daripada jumlah eksport, diikuti oleh Jepun 11.4%, Hong Kong 11% dan Korea Selatan 9.2%.

Keluaran Galian Bukan Logam

Eksport **keluaran galian bukan logam** sebagai satu kumpulan, terus berkembang pada kadar dua angka iaitu 19.3% kepada RM934 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Peningkatan eksport yang pesat disokong oleh permintaan luar negeri yang terus kukuh terhadap keluaran sektor-sektor kecil termasuk keluaran galian, keluaran tanah liat bahan binaan, keluaran kaca dan keluaran pembuatan tanah liat. Eksport keluaran galian meliputi keluaran seramik, jubin dan asbestos yang direka, terus kekal sebagai eksport utama, menyumbang 33% kepada eksport keluaran galian bukan logam, dengan pendapatan berjumlah RM306 juta. Disamping itu, eksport kaca meningkat sebanyak 74% sementara eksport bahan binaan tanah liat meningkat tetapi pada kadar yang lebih rendah iaitu 14% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1994 (30.3%).

Berikutan permintaan ke atas bahan binaan dalam negeri yang kukuh ekoran aktiviti pembinaan yang mampan, eksport batu kapur, simen dan

bahan binaan yang direka menjunam sebanyak 8.4% berbanding dengan peningkatan sebanyak 152% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Eksport bahan-bahan ini berkurangan berikutan pengeluaran yang tidak mencukupi bagi memenuhi kekurangan di pasaran tempatan.

Besi dan Keluli dan Keluaran Logam

Eksport **besi dan keluli dan keluaran logam** meningkat dengan ketara sebanyak 20% kepada RM708.4 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: -17.1%) disebabkan eksport yang lebih tinggi bagi lain-lain keluaran besi dan keluli. Eksport besi tempa dan lembut meningkat sebanyak 56%, keluaran kepingan gelek rata 431%, sementara eksport tiub, paip dan keluaran 'hollow profiles' daripada besi dan logam meningkat sebanyak 18.8%. Destinasi utama eksport bahan-bahan ini ialah Thailand, Singapura dan juga China. Walau bagaimanapun, eksport keluli untuk binaan merosot sebanyak 41% manakala jongkong merosot sebanyak 84.5%. Kerosotan ini disebabkan oleh peningkatan penggunaan besi dan batang besi oleh sektor pembinaan dalam negeri serta peningkatan pemprosesan jongkong besi.

Eksport **keluaran logam bukan ferum**, walau bagaimanapun, mencatatkan pertumbuhan yang ketara sebanyak 55.6% dalam tempoh tersebut. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan luar negeri yang kukuh bagi keluaran-keluaran separuh reka daripada tembaga, aluminium dan plumbum. Dalam masa yang sama, eksport **keluaran logam yang direka** melonjak sebanyak 34.5% dalam tempoh kajian sungguhpun permintaan dalam negeri terus kukuh. Keadaan ini berlaku berikutan pembesaran keupayaan dan pengeluaran industri ini, selaras dengan dasar Kerajaan bagi meluaskan asas eksport negara.

Kelengkapan Pengangkutan

Eksport **kelengkapan pengangkutan** yang terdiri daripada kenderaan jalan raya dan kelengkapan-kelengkapan pengangkutan lain merosot sebanyak 8.6% kepada RM3,252 juta dalam masa tujuh bulan pertama 1995 berbanding dengan peningkatan sebanyak 35.3% yang telah dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1994.

Ini disebabkan kemerosotan sebanyak 13.7% dalam eksport kelengkapan-kelengkapan pengangkutan lain seperti gerabak keretapi dan peralatan berkaitan, pesawat udara dan komponen serta kapal, bot dan struktur terapung. Eksport kelengkapan-kelengkapan pengangkutan lain menyumbang 79.2% kepada jumlah eksport kelengkapan pengangkutan.

Eksport kenderaan jalan raya yang terdiri daripada kereta penumpang, motosikal dan skuter, kenderaan komersil serta alat ganti dan aksesori meningkat lagi sebanyak 15.6% kepada RM675 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995 (Januari-Julai 1994: 10.2%). Pertumbuhan ini adalah hasil perkembangan ketara eksport aksesori serta alat ganti bagi kenderaan jalan raya (27.7%) dan juga eksport treiler dan kenderaan tanpa motor (40.4%), berikutan peningkatan permintaan keperluan pengangkutan di negara-negara pengimport seperti AS dan Jepun yang didorong oleh kepesatan kegiatan ekonomi. Eksport motokar dan kenderaan penumpang lain naik sebanyak 5.2%, hasil daripada usaha-usaha promosi jualan kereta nasional di luar negeri sementara eksport motosikal dan skuter bertambah sebanyak 12.6%. Walau bagaimanapun eksport kenderaan perdagangan merosot sebanyak 24.4% disebabkan peningkatan permintaan dalam negeri berikutan peningkatan aktiviti komersil dalam ekonomi yang berkembang pesat. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, sejumlah 11,600 unit kereta nasional, PROTON telah dieksport ke 28 destinasi pasaran luar negeri antara lainnya German, UK, Australia dan Singapura. Model jenis WIRA menguasai pasaran eksport dan menyumbang 87% daripada jumlah kereta nasional yang dieksport.

Keluaran Perkilangan Lain

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, eksport keluaran perkilangan lain, yang terdiri daripada kelengkapan dan perkakas saintifik, bekalan dan kelengkapan seni foto, kelengkapan muzik dan keluaran pelbagai barang perkilangan, meningkat sebanyak 8.1% (Januari-Julai 1994: 6.9%). Punca utama pertumbuhan eksport ini adalah eksport kelengkapan muzik dan aksesori dan juga bahan cetak. Eksport kelengkapan dan perkakas saintifik yang meliputi perkakas optik dan peralatan perubatan mencatatkan peningkatan yang amat kecil sebanyak 3.9% (Januari-Julai

1994: 24.5%). Eksport kelengkapan seni foto meningkat sebanyak 13.5% dalam tempoh kajian (Januari-Julai 1994: 37.9%). Eksport kelengkapan muzik aksesori bertambah sebanyak 55.8% sementara keluaran pelbagai barang perkilangan yang terdiri daripada bahan cetak, barang-barang permainan, peralatan sukan dan barang kemas meningkat sebanyak 16.2% (Januari-Julai 1994: 10%).

Eksport Komoditi Utama

Pendapatan keseluruhan eksport komoditi pertanian dan perlombongan dijangka meningkat sebanyak 10.9% kepada RM31,675.1 juta pada tahun 1995 (1994: 4.4%). Prestasi eksport sektor pertanian adalah bercampur-campur. Pendapatan eksport getah, minyak kelapa sawit dan minyak isirong kelapa sawit dijangka bertambah disebabkan oleh jumlah eksport yang meningkat dan harga yang kukuh manakala pendapatan eksport kayu balak, kayu gergaji dan lada hitam dijangka berkurangan berikutan jumlah eksport yang lebih rendah. Bagi sektor perlombongan, pendapatan eksport minyak mentah, gas asli cecair (LNG) dan timah dijangka bertambah pada tahun 1995 disebabkan oleh harganya yang kukuh serta jumlah yang tinggi bagi eksport minyak mentah dan gas. Peningkatan yang paling ketara adalah dari LNG dimana pendapatan eksport dijangka meningkat sebanyak 31.2%, bagi memenuhi kontrak baru eksport LNG ke Jepun, Korea Selatan dan Taiwan serta peningkatan keupayaan loji memproses LNG di Bintulu, Sarawak.

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Pendapatan eksport minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit yang di proses dan minyak sawit sterin dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 14.9% pada tahun 1995 kepada RM9,660 juta. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, pendapatan eksport minyak kelapa sawit meningkat sebanyak 37.6% seperti yang ditunjukkan di Jadual 7.6 disebabkan oleh harganya yang meningkat. Jumlah eksport minyak kelapa sawit merosot sebanyak 0.2% disebabkan oleh persaingan harga dengan minyak saingannya yang lain seperti minyak kacang soya, minyak bunga matahari dan minyak bijian. Contohnya dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, harga minyak kelapa sawit mencecah AS\$35 lebih tinggi

daripada minyak kacang soya dalam bulan Mac dan AS\$38 lebih tinggi berbanding dengan minyak bijian dalam bulan Julai. Ini menyebabkan kebanyakan pembeli membeli minyak-minyak lain yang lebih murah. Walau bagaimanapun, minat yang berkekalan daripada pasaran lain dan juga peningkatan pembelian oleh loji penapisan dan industri oleokimia menyebabkan kejatuhan yang ketara dalam stok dari 749,722 tan metrik dalam bulan Januari 1995 ke tahap terendah iaitu 566,376 tan metrik pada bulan Mei bagi memenuhi keperluan eksport. Dalam separuh kedua tahun 1995, peningkatan dalam pendapatan eksport disebabkan oleh jangkaan pembelian yang lebih tinggi dari China, India, Pakistan dan Timur Tengah di samping pengeluaran yang tinggi dalam tempoh terakhir tahun 1995.

China kekal sebagai pengimport utama dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 dengan membeli sejumlah 781,598 tan metrik bernilai RM1.31 juta iaitu kira-kira 21.8% daripada jumlah pendapatan eksport minyak kelapa sawit. Pakistan yang merupakan pengimport kelapa sawit yang kedua terbesar, mencatatkan pengurangan pembelian sebanyak 15.4% kepada 556,978 tan metrik.

Eksport ke negara-negara Asia Barat adalah lebih rendah dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, dengan jumlah pembelian terkumpul 443,723 tan metrik berbanding dengan 462,931 tan metrik dalam tempoh yang sama tahun 1994. Di antara negara-negara Asia Barat, Mesir merupakan penyumbang terbesar (4.1%). Eksport ke Singapura, yang sebahagian besarnya untuk dieksport semula, mencatatkan peningkatan sebanyak 8.4% kepada 267,000 tan metrik. Eksport minyak kelapa sawit Malaysia juga berjaya menembusi pasaran baru seperti Afrika Selatan, Kenya dan Tanzania di Afrika serta Komanwel Negara-negara Merdeka.

Harga purata minyak kelapa sawit dijangka sebanyak RM1,422.00 setan metrik pada tahun 1995. Kemerosotan yang ketara dalam paras stok dijangka akan mengukuhkan harga minyak kelapa sawit pada bulan-bulan berikutnya dalam tahun 1995. Peningkatan eksport ke negara-negara pengimport utama seperti China dan India dan meningkatnya penggunaan minyak kelapa sawit mentah dalam industri berasaskan kimia dan industri lain juga dijangka membantu mengekalkan harganya pada paras yang tinggi.

Jadual 7.6
Eksport Komoditi-komoditi Utama


	1995 ^a	% perubahan	1995 Januari- Ogos	% perubahan
Minyak kelapa sawit¹				
Jumlah ('000 tan metrik)	6,900	2.8	4,496	-0.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,400	11.8	1,543	38.0
Jumlah (RM juta)	9,660	14.9	6,939	37.6
Minyak isirong kelapa sawit				
Jumlah ('000 tan metrik)	408	8.6	275	-14.5
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,800	22.3	1,870	21.1
Jumlah (RM juta)	734.4	32.9	514	3.5
Kayu balak				
Jumlah ('000 meter padu)	7,970	-5.3	5,257	-0.5
Nilai seunit (RM/meter padu)	291.8	-3.4	290.1	-7.7
Jumlah (RM juta)	2,326	-8.6	1,525	-8.2
Kayu gergaji				
Jumlah ('000 meter padu)	4,530	-5.2	3,001	-2.8
Nilai seunit (RM/meter padu)	910	0.3	894.2	-1.7
Jumlah (RM juta)	4,122.3	-4.9	2,683	-4.5
Getah				
Jumlah ('000 tan metrik)	1,100	8.2	682	7.1
Nilai seunit (sen/kg)	380	32.0	421	60.1
Jumlah (RM juta)	4,180	42.8	2,869	71.5
Lada hitam				
Jumlah ('000 tan metrik)	17	-26.1	8.7	-20.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	7,000	31.9	7,011	49.5
Jumlah (RM juta)	119	-2.5	61	18.7
Koko				
Jumlah ('000 tan metrik)	58	-30.1	40.0	-37.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	3,000	-5.3	3,275	6.1
Jumlah (RM juta)	174	-33.8	131	-33.4
Minyak mentah				
Jumlah ('000 tan metrik)	19,700	3.4	12,498.6	-2.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	342	-0.4	354	4.0
Jumlah (RM juta)	6,737.5	2.9	4,429	1.0
Gas asli cecair (LNG)				
Jumlah ('000 tan metrik)	9,990	20.7	6,129.6	13.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	310	8.7	314	2.1
Jumlah (RM juta)	3,096.9	31.2	1,923	15.6
Timah				
Jumlah ('000 tan metrik)	35	-0.8	24.5	1.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	15,000	4.5	15,171	8.3
Jumlah (RM juta)	525	3.6	372	9.8
JUMLAH BESAR (RM JUTA)	31,675.1	10.9	21,446	17.1

¹ Termasuk minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak kelapa sawit steril.

^a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 7.2
Minyak Kelapa Sawit - Eksport dan Harga



Harga minyak kelapa sawit pada puratanya sebanyak RM1,618 setan metrik pada suku pertama tahun 1995 dan merosot kepada RM1,449.50 dalam suku kedua. Adalah dijangkakan bahawa harganya akan merosot sedikit, masing-masing kepada RM1,400 setan metrik dan RM1,300 setan metrik pada suku ketiga dan suku keempat. Harga purata minyak kelapa sawit dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 sebanyak RM1,508.90 setan metrik, iaitu 36.1% lebih tinggi dari harga purata sebanyak RM1,109.00 setan metrik yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 1994.

Jumlah pendapatan eksport minyak isirong kelapa sawit juga dijangka meningkat sebanyak 32.9% kepada RM734.4 juta pada tahun 1995. (1994: RM552.7 juta) terutamanya disebabkan oleh harga eksport yang tinggi. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, harga minyak isirong kelapa sawit meningkat sebanyak 7.8% kepada RM1,544.4 setan metrik menyebabkan

pendapatan eksport meningkat kepada RM514 juta. Walau bagaimanapun, jumlah eksport minyak isirong kelapa sawit merosot sebanyak 14.5% kepada 275,000 tan metrik dalam tempoh lapan bulan pertama pada tahun 1995, berbanding 321,000 tan metrik yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 1994. Bagi keseluruhan tahun 1995, nilai seunit eksport minyak isirong kelapa sawit dijangka pada puratanya sebanyak RM1,800 setan metrik, meningkat sebanyak 22.3%. Eksport juga dijangka meningkat sebanyak 8.6% kepada 408,000 setan metrik (1994: 357,500 setan metrik).


Kayu Kayan

Jumlah pendapatan eksport kayu kayan negara (kayu balak dan kayu gergaji) pada tahun 1995 dijangka merosot sebanyak 6.22% kepada RM6,488.3 juta, berbanding RM6,876.3 juta yang dicatatkan pada tahun 1994. Ini disebabkan oleh kejatuhan jumlah eksport dan harga kayu balak yang rendah. Dari segi jumlah, eksport kayu balak dijangka berkurangan sebanyak 5.3% pada tahun 1995 kepada 8 juta meter padu manakala jumlah eksport kayu gergaji pula merosot sebanyak 5.2% kepada 4.5 juta meter padu. Nilai seunit eksport bagi kayu balak juga dijangka akan merosot sebanyak 3.4% kepada RM291.80 semeter padu walaupun nilai seunit eksport kayu gergaji meningkat sedikit daripada RM907 semeter padu pada tahun 1994 kepada RM910 semeter padu dalam tahun 1995. Ini menyebabkan sumbangan eksport kayu kayan kepada pendapatan eksport dari komoditi-komoditi utama dijangka berkurangan sebanyak 20.4%, berbanding dengan 24.1% pada tahun 1994.

Kesemua eksport kayu balak datanganya dari Sarawak, semenjak eksport kayu balak dibekukan di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Jumlah eksport kayu balak dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 ialah 5,257 juta meter padu, merosot sebanyak 0.5% dari 5,284 juta meter padu yang dieksport dalam tempoh yang sama pada tahun 1994. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, sebahagian besar kayu balak dieksport ke Jepun, iaitu kira-kira 53.4% daripada jumlah eksport kayu balak. Pengimport utama yang lain termasuk Taiwan (16.2%), Korea Selatan (8.7%), China (7.9%), Hong Kong (4.4%) dan Thailand (2.8%).

Carta 7.3

Kayu Gergaji dan Kayu Balak - Eksport dan Nilai Seunit



Semenjak empat tahun yang lalu, terdapat perubahan di dalam corak eksport kayu gergaji dari Malaysia. Eksport ke negara-negara pembeli utama di kalangan Kesatuan Eropah iaitu Belanda, Belgium, United Kingdom, Jerman, Perancis dan Itali pada tahun 1992 yang berjumlah 18.4% daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia, telah menyusut kepada 11.6% pada tahun 1994. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, eksport terkumpul enam negara-negara berkenaan berjumlah 11% daripada eksport kayu gergaji dari Malaysia, jika dibandingkan dengan sebanyak 12.3% dalam tempoh yang sama pada tahun 1994. Walau bagaimanapun eksport kayu gergaji dari Malaysia telah menembusi pasaran negara-negara Asia Tenggara dan Asia Timur khususnya Thailand, Jepun, Taiwan, Korea Selatan dan Singapura. Kelima-lima negara ini telah meningkatkan sumbangannya terhadap eksport kayu gergaji dari 61.2% pada tahun 1992 kepada 69.5% pada tahun 1994. Thailand muncul sebagai pembeli terbesar, iaitu kira-kira 28.8% daripada jumlah keseluruhan kayu gergaji dari Malaysia. Pasaran utama yang lain ialah Jepun (11.1%) dan Taiwan (9.4%).


Getah

Kekukuhan permintaan dari negara-negara pembeli utama menyebabkan jumlah eksport getah dijangka meningkat sebanyak 8.2% daripada 1,017,000 tan metrik pada tahun 1994 kepada 1,100,000 tan metrik pada tahun 1995. Permintaan yang kukuh juga dijangka akan meningkatkan nilai seunit eksport getah sebanyak 32% dari 287.8 sen/kg. pada tahun 1994 kepada 380 sen/kg pada tahun 1995. Ekoran daripada itu, pendapatan eksport getah dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 42.8% pada tahun 1995 kepada RM4,180 juta.

Peningkatan pendapatan eksport yang dijangka ini disebabkan oleh peningkatan jumlah eksport getah gred 'Getah Mutu Malaysia' (SMR) dari 803,970 tan metrik atau 79.1% daripada eksport keseluruhan getah pada tahun 1994 kepada 836,400 tan metrik atau 82% pada tahun 1995. Pertumbuhan ini disebabkan oleh kekukuhan permintaan luar negeri, terutamanya dari China pada akhir tahun 1994 dan awal tahun 1995 serta

Carta 7.4

Getah - Eksport dan Harga



kekukuhan pertumbuhan industri motor kereta di seluruh dunia. Peningkatan harga getah SMR yang pada tahun 1995 kepada 340-350 sen/kg (1994: 293.75 sen/kg) juga menyebabkan peningkatan pendapatan eksport getah SMR.

Walau bagaimanapun, jumlah eksport Getah Asap Berbunga (RSS) dijangka berkurangan dari 50,768 tan metrik pada tahun 1994 kepada 40,800 tan metrik pada tahun 1995. Sama seperti tahun-tahun lepas, masalah kekurangan tenaga buruh dan **kekurangan bahan mentah** untuk diproses telah menyebabkan pengeluaran dan eksport getah RSS merosot.

Eksport susu getah juga menunjukkan trend yang menurun, iaitu dari 119,511 tan metrik atau 11.8% dari jumlah eksport getah pada tahun 1994 kepada 102,000 tan metrik atau 10% pada tahun ini. Punca utama kejatuhan eksport susu getah ialah kerana meningkatnya penggunaan susu getah oleh keluaran kilang yang berasaskan getah di dalam negara.

Berikutan kekukuhan permintaan dan tekanan akibat kekurangan penawaran akibat kesan musim hujan dan cuti-cuti perayaan, harga bagi kesemua gred getah meningkat dalam tempoh suku pertama tahun 1995. Harga SMR 20 meningkat ke paras tertinggi iaitu 495.50 sen/kg pada 6 Januari, iaitu yang tertinggi semenjak harga SMR20 direkod secara rasmi pada tahun 1972. Harga RSS1 juga mencapai paras tertinggi iaitu 473.00 sen/kg pada 4 April, yang tertinggi sejak harganya melonjak akibat perang Korea. Pada suku kedua tahun 1995, harga SMR20 merosot dengan mendadak kepada 391 sen/kg dan 419 sen/kg bagi RSS1 disebabkan oleh kekurangan sokongan belian dan laporan mengenai penawaran yang berlebihan. Para pembeli berkata mereka mempunyai paras stok yang mencukupi bagi memenuhi keperluan segera dan mampu untuk menunggu sehingga harga jatuh. Faktor-faktor lain yang menyebabkan harga getah merosot ialah kelembapan dolar AS berbanding dengan matawang asing yang lain, kecenderungan penjual untuk menyimpan stok ekor jangkaan peningkatan pengeluaran getah, cuti musim panas di negara-negara pengguna yang menyebabkan permintaan merosot, laporan yang menyatakan kemerosotan jualan kereta di Amerika dan juga ketiadaan pesanan dari China. Dalam tempoh Januari-Jun 1995, harga purata getah RSS1, mencecah 429.34 sen/kg manakala SMR 20 pula 421.62 sen/kg. Bagi tahun 1995,

harga purata bagi getah RSS1 dijangka berada di antara 350-360 sen/kg, manakala harga SMR 20 pula dijangka berada di antara 340-350 sen/kg.

Malaysia mengeksport 682,000 tan metrik getah atau meningkat 7.1% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas. Eksport ke negara-negara Kesatuan Eropah meningkat sebanyak 15.6% kepada 195,477 tan metrik berbanding dengan 169,068 tan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, berikutan pembelian yang besar oleh kesemua anggota Kesatuan Eropah kecuali United Kingdom. Amerika Syarikat yang mengimport sebanyak 73,513 tan metrik telah mengganti tempat Korea Selatan sebagai pasaran terbesar bagi getah Malaysia. Pembelian oleh Korea Selatan yang terakhir sebanyak 65,023 tan metrik adalah 20.8% lebih rendah berbanding sebanyak 82,083 tan metrik yang dicatatkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Kebanyakan negara-negara pengimport telah meningkatkan import getah dari Malaysia, terutamanya China yang mengimport sebanyak 20,129 tan metrik (33%) dan Turki sebanyak 21,372 tan metrik (44%). Eksport ke Singapura mencatatkan kemerosotan yang ketara iaitu sebanyak 43.3% dari 19,958 tan metrik pada tahun 1994 kepada 10,958 tan metrik pada tahun ini, menggambarkan peningkatan perdagangan getah antara secara langsung Malaysia dengan negara-negara pengimport yang lain. Hasil daripada peningkatan harga dan jumlah eksport, pendapatan eksport dari getah juga meningkat sebanyak 71.5% kepada RM2,556 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 (Januari-Ogos 1994: RM1,673 juta).

Komoditi-komoditi Pertanian Lain


Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, pendapatan eksport lada hitam meningkat sebanyak 18.7% kepada RM61 juta berbanding sebanyak RM51 juta dalam tempoh yang sama tahun 1994 (lihat Jadual 7.6). Disebabkan oleh faktor musim, pendapatan eksport lada hitam dalam separuh kedua tahun 1995 dijangka lebih rendah. Destinasi utama eksport lada hitam dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 ialah Jepun, Singapura dan Jerman, yang berjumlah 71.9% daripada jumlah eksport keseluruhan. Destinasi-destinasi penting yang lain ialah Korea Selatan (7.6%), Taiwan (4.9%) dan Sepanyol (4.4%).

Pendapatan eksport dari koko merosot sebanyak 33.4% kepada RM131.5 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 berikutan pengurangan jumlah eksport sebanyak 40%. Singapura terus kekal sebagai pembeli tunggal terbesar. Pembeliannya berjumlah 17,173 tan metrik iaitu kira-kira 50.9% daripada jumlah eksport dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, diikuti oleh China dengan 6,300 tan metrik (18.7%) dan Belanda dengan 5,200 tan metrik (15.4%). Pada keseluruhan tahun 1995, jumlah eksport koko dijangka berkurangan kepada 58,000 tan metrik berbanding dengan 83,000 tan metrik pada tahun 1994. Begitu juga jumlah pendapatan tahunan dijangka berkurangan sebanyak 33.8% kepada RM174 juta (1994: -13.5%).

Minyak Mentah dan Gas Asli Cecair

Pada tahun 1995, pendapatan eksport minyak mentah dijangka meningkat sebanyak 2.9% kepada RM6,737.5 juta, berpunca dari 3.4% peningkatan dalam jumlah eksport dan juga harga yang baik. Nilai seunit minyak mentah meningkat dalam tempoh lapan bulan pertama 1995 kepada RM354.35 setan metrik (AS\$18.65 setong) atau 4% lebih tinggi daripada RM340.65 setan metrik (AS\$16.85 setong) yang dicatatkan pada tempoh yang sama pada tahun 1994. Oleh yang demikian, terimaan eksport minyak mentah meningkat sebanyak 1% kepada RM4,428.8 juta dalam masa lapan bulan pertama tahun 1995 berbanding penurunan sebanyak 19.9% dalam tempoh yang sama pada tahun 1994.

Arah aliran harga minyak mentah yang meningkat sejak pertengahan tahun 1994 telah berlarutan sehingga pertengahan tahun 1995, disebabkan berkurangnya stok minyak mentah di Amerika Syarikat dan meningkatnya permintaan minyak mentah sejagat. Harga minyak mentah North Sea Brent (NSB), rujukan minyak mentah dunia yang utama, meningkat sebanyak 17.5% kepada US\$17.47 setong dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1995 daripada US\$14.87 setong yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Begitu juga, harga minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) meningkat sebanyak 16.5% kepada US\$18.89 setong daripada US\$16.22 setong. Bergerak selaras dengan harga minyak antarabangsa, harga purata



wajaran (HPW) minyak mentah bagi semua jenis minyak mentah Malaysia antaranya, Tapis Blend, Labuan Miri ringan, Dulang dan Bintulu meningkat sebanyak 16.2% kepada US\$18.78 setong dalam tempoh enam bulan pertama 1995, berbanding US\$16.16 setong dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Berdasarkan kepada jadual pengeluaran yang dirancang dan kapasiti loji, jumlah eksport gas asli cecair (LNG) dijangka meningkat sebanyak 20.7% kepada 10 juta tan metrik pada tahun 1995. Selaras dengan harga minyak mentah dunia yang menggalakkan, nilai eksport seunit LNG dijangka meningkat sebanyak 8.7% kepada RM310 setan metrik. Oleh itu, terimaan eksport dari LNG dijangkakan meningkat sebanyak 31.2% kepada RM3,097 juta pada tahun 1995. Bagi tempoh lapan bulan pertama, terimaan dari eksport LNG berjumlah RM1,923 juta, disebabkan 13.2% peningkatan dalam jumlah eksport kepada 6.13

juta tan metrik dan 2.1% peningkatan harga kepada RM313.69 setan metrik. Negara Jepun merupakan pengimport LNG yang terbesar dengan memperoleh 89.9% daripada jumlah eksport atau 4.6 juta tan metrik. Sebanyak 290,100 tan metrik atau 5.6% di eksport ke Korea Selatan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995.

Timah

Pendapatan eksport dari timah dijangka meningkat sedikit iaitu sebanyak 3.6% kepada RM525 juta pada tahun 1995 disebabkan harga yang menggalakkan akibat dari permintaan yang bertambah dan pengurangan stok timah yang berterusan di Bursa Logam London (LME) serta penawaran yang ketat. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, terimaan eksport timah meningkat sebanyak 9.8% kepada RM371.8 juta disebabkan harga timah yang lebih baik. Harga purata timah di Pasaran Timah Kuala Lumpur (PTKL) dalam tempoh lapan bulan pertama tahun

1995 meningkat sebanyak 7.9% kepada RM15.09 sekilogram, daripada RM13.98 sekilogram yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994.


Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995, Jepun, Korea Selatan, Belanda, Jerman dan Taiwan adalah pengimport utama timah Malaysia, dengan jumlah terkumpul sebanyak 14,233 tan metrik merangkumi 67.7% daripada jumlah keseluruhan eksport timah Malaysia.

Prestasi Import

Import kasar, termasuk kos insurans dan tambang (cif), dijangka akan mencatat pertumbuhan yang kukuh, walaupun dengan lebih perlahan, sebanyak 26% pada tahun 1995 (1994: 32.8%). Kadar pertumbuhan yang lebih perlahan bagi import, khususnya import barang-barang pelaburan dan perantaraan, menggambarkan perkembangan yang sederhana dalam eksport perkilangan dan pelaburan awam dan swasta. Seperti tahun-tahun lepas, import barangan pelaburan dan perantaraan dijangka akan menyumbang sebahagian besar daripada jumlah import pada tahun 1995. Memandangkan kegiatan pelaburan yang menggalakkan berikutan pengenalan elaun pelaburan semula yang menarik pada tahun 1994, import barangan pelaburan dijangka meningkat sebanyak 26.5% pada tahun 1995 (35.2% pada tahun 1994). Ini termasuk import besar seperti kapal terbang dan kapal laut, yang akan meningkatkan kapasiti pengeluaran ekonomi. Dengan permintaan dalam dan luar negeri bagi barangan perkilangan yang terus berkembang, import barangan perantaraan juga dijangka akan meningkat sebanyak 28.8% (35.1% pada tahun 1994). Import barangan penggunaan dijangka terus menggalakkan, berkembang pada kadar 17% (20.1% pada tahun 1994), menggambarkan khususnya peningkatan pendapatan boleh guna oleh penduduk.

Pada lapan bulan pertama tahun 1995, import kasar berkembang pada kadar 27.7%, agak perlahan berbanding dengan pertumbuhan ketara pada 32.4% bagi tempoh yang sama tahun 1994. Import barangan pelaburan dan perantaraan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 29% dan 29.8% masing-masing sementara import barangan penggunaan menaik sebanyak 17.5%. Prestasi terperinci bagi import mengikut fungsi ekonomi bagi lapan bulan pertama tahun 1995 adalah seperti dalam Jadual 7.7.

Carta 7.6
Timah - Eksport dan Harga



Jadual 7.7

Import Kasar Mengikut Fungsi Ekonomi¹
(Januari-Ogos)

	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1994	1995	1994	1995	1994	1995
Barang-barang pelaburan	40.8	52.6	34.1	29.0	41.4	41.8
Barang-barang perantaraan	42.7	55.5	35.6	29.8	43.4	44.1
Barang-barang penggunaan	14.5	17.0	19.2	17.5	14.7	13.5
Import untuk dieksport	0.5	0.7	45.8	33.4	0.5	0.6
Bijih timah	0.3	0.4	48.0	26.6	0.3	0.3
Getah asli	0.2	0.3	43.3	41.5	0.2	0.3
JUMLAH	98.5	125.8	32.4	27.7	100.0	100.0

¹ Dianggarkan mengikut data terperinci bagi tempoh lima bulan yang dikumpulkan oleh Bank Negara Malaysia.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Barang-Barang Pelaburan

Jumlah import barangan pelaburan meningkat sebanyak 29% kepada RM52.6 bilion pada lapan bulan pertama tahun 1995 (Januari-Ogos 1994: RM40.8 bilion) menggambarkan kegiatan pelaburan yang terus kukuh, termasuk projek mega serta sektor-sektor perkilangan, pembinaan dan pengangkutan. Dari segi agregate, import keluaran logam berkembang sebanyak 47.3% pada tempoh tersebut hasil daripada pertumbuhan yang agak ketara dalam pengimportan besi, keluli dan logam bukan feram oleh sebab kegiatan pembinaan dan perkilangan yang terus teguh. Import kelengkapan pengangkutan bertambah sebanyak 30% hasil daripada peningkatan import kapal terbang dan kapal laut, lokomotif kereta api, kenderaan perdagangan dan bas serta otomobil untuk memenuhi permintaan sektor pengangkutan yang berkembang. Begitu juga import jentera meningkat pesat sebanyak 41.3% disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi, khususnya daripada sektor perkilangan. Dengan usaha-usaha yang berterusan untuk membangun, meningkat dan memodenkan infrastruktur telekomunikasi, import kelengkapan telekomunikasi telah meningkat sebanyak 68%. Walau bagaimanapun, import barangan pelaburan lain telah mencatatkan pertumbuhan sederhana

sebanyak 16.7%. Secara keseluruhannya, import barangan pelaburan adalah merupakan 41.8% daripada jumlah import pada lapan bulan pertama tahun 1995.

Jadual 7.8

Import Barangan Pelaburan
(Januari-Ogos)

	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1994	1995	1994	1995
Keluaran logam	16.0	47.3	12.7	14.4
Kelengkapan pengangkutan	53.7	30.0	15.7	15.8
Jentera	23.2	41.3	25.8	28.2
Lain-lain barangan pelaburan	41.1	16.7	45.9	41.5
JUMLAH	34.1	29.0	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

Barang-Barang Perantara

Pada lapan bulan pertama tahun 1995, import barangan perantara meningkat lagi sebanyak 29.8% kepada RM55.5 bilion (Januari-Ogos 1994: 35.6%), terutamanya disebabkan kegiatan pengeluaran perkilangan yang pesat. Import bahan perkilangan seperti komponen elektronik dan pemasangan motor meningkat ketara sebanyak 34.2% ekoran dari permintaan dalam negeri yang mampan dari industri elektronik dan elektrik serta perkembangan industri motokar yang pantas. Walau bagaimanapun, import bahan pertanian dan ternakan mencatatkan pertumbuhan yang kecil sebanyak 3.9% dengan import baja meningkat sebanyak 4% selepas mencatatkan kemerosotan sebanyak 3.4% pada tempoh yang sama tahun 1994. Ini adalah selaras dengan pertumbuhan keluaran sektor pertanian yang lebih kukuh ekoran dari kukuhan harga dan permintaan luar negeri pada lapan bulan pertama tahun 1995. Sungguhpun aktiviti pembinaan terus cergas dalam ekonomi, import bahan bangunan dan pembinaan berkurangan sebanyak 10.5% (Januari-ogus 1994: +34.5%) akibat pengurangan ketara import tiub, paip dan peralatan berkaitan (-22%) oleh kerana terdapat lebih alat gantian tempatan. Import barangan perantara merupakan 44.1% daripada jumlah import Malaysia pada lapan bulan pertama tahun 1995.

Jadual 7.9

Import Barangan Perantara (Januari-Ogos)

	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1994	1995	1994	1995
Bahan-bahan untuk pertanian dan ternakan	9.0	3.9	2.3	1.8
Bahan-bahan untuk perkilangan	40.5	34.2	83.0	85.8
Bahan-bahan bangunan dan pembinaan	34.5	-10.5	6.9	4.7
Lain-lain barangan perantara	5.1	27.2	7.8	7.6
JUMLAH	35.6	29.8	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 7.10

Import Barangan Penggunaan (Januari-Ogos)

	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1994	1995	1994	1995
Makanan	10.6	12.6	18.6	17.8
Minuman dan tembakau	16.8	44.0	1.9	2.4
Barang-barang penggunaan tahan lama	29.7	19.0	24.0	24.3
Lain-lain barangan penggunaan	18.2	17.6	55.4	55.5
JUMLAH	19.2	17.5	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

Barang-Barang Penggunaan

Import barangan penggunaan pada lapan bulan pertama tahun 1995 meningkat sebanyak 17.5% kepada RM17 bilion (Januari-ogus 1994: 19.2%), mewakili kira-kira 13.5% daripada jumlah import. Import makanan bertambah sebanyak 12.6% kepada RM3 bilion (Januari-Ogos 1994: 10.6%) disebabkan peningkatan kukuh hasil tenusu (12%), sayur dan sayuran diproses (12%), ikan (10%) dan buah-buahan (10%). Import beras, walau bagaimanapun, meningkat perlahan sebanyak 3%. Import barangan penggunaan tahan lama meningkat sebanyak 19% (Januari-Ogos 1994: 29.7%) hasil daripada peningkatan import peti sejuk (62%), motosikal dan alat ganti (30%) dan jam tangan dan jam dinding (24%). Walau bagaimanapun, ini sebahagiannya diimbangi oleh pengurangan import otomobil (-38%), kipas dan penghawa dingin (-9%) akibat meningkatnya perolehan gantian tempatan.

Import untuk dieksport yang terdiri daripada terutamanya bijih timah dan getah asli, terus merupakan sebahagian kecil sahaja daripada jumlah import (0.6%). Pada lapan bulan pertama tahun 1995, import untuk dieksport meningkat sebanyak 33.4% kepada RM0.7 bilion berbanding dengan peningkatan sebanyak 45.8% bernilai RM0.5 bilion bagi tempoh yang sama tahun 1994.

Haluan Perdagangan


Pada lapan bulan pertama tahun 1995, jumlah perdagangan Malaysia mengekalkan kadar pertumbuhan kukuh sebanyak 24.4% bernilai RM243.6 bilion (Januari-Ogos 1994: 28.2%), dengan eksport merupakan 48% daripada perdagangan dan bakinya (52%) adalah import. Eksport kasar, dinilai fob, bertambah sebanyak 21% (Januari-Ogos 1994: 24.2%) kepada RM117.8 bilion. Walau bagaimanapun, import kasar, dinilai cif, bertambah dengan kadar lebih cepat, sebanyak 27.7% kepada RM125.8 bilion, walaupun ini adalah lebih rendah daripada kenaikan sebanyak 32.4% pada tempoh yang sama tahun 1994. Oleh itu, imbalan perdagangan Malaysia mencatatkan defisit lebih besar sebanyak RM8 bilion pada tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan defisit sebanyak RM1.1 bilion pada tempoh yang sama tahun 1994.

Jepun terus kekal sebagai rakan dagangan Malaysia terbesar dengan jumlah perdagangan sebanyak RM49.3 bilion pada lapan bulan pertama

tahun 1995, dan merupakan 20.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia (Januari-Ogos 1994: 19.5%). AS adalah rakan dagangan kedua terbesar, dengan jumlah dagangan sebanyak RM43.7 bilion (17.9%), diikuti oleh Singapura, dengan jumlah dagangan sebanyak RM40 bilion (16.4%) dan EU RM36.8 bilion (15.1%). Perdagangan Malaysia dengan ekonomi-ekonomi perindustrian baru (NIE) di Asia (tidak termasuk Singapura), iaitu merangkumi Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong merupakan 11.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia.

Dari segi eksport, Singapura, AS dan Jepun kekal sebagai pasaran utama Malaysia pada tempoh lapan bulan pertama tahun 1995. Ketiga-tiga negara ini menyumbangkan 53.5% daripada jumlah eksport Malaysia (Januari-Ogos 1994: 54%). Eksport ke Singapura sahaja berjumlah RM24.4 bilion atau 20.7% daripada jumlah eksport Malaysia (Januari-Ogos 1994: 20.9%), dan merupakan peningkatan sebanyak 19.6% (Januari-Ogos 1994: 21.4%). Dari segi import, ketiga-tiga negara Jepun, AS dan Singapura juga terus kekal sebagai

Carta 7.7
Haluan Perdagangan
(Januari - Ogos 1995)



Angka-angka didalam rajah merupakan peratus daripada jumlah.
Sumber : Jabatan Perangkaan.

Jadual 7.11
Perdagangan dengan Jepun
(Januari-Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Sumbangan (%)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>		<i>Sumbangan (%)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	1994	1995	1994	1995	1994	1995	1994	1995
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak ¹	5.4	5.8	17.7	36.7	0.3	0.2	4.5	-27.2
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir ²	39.7	34.9	-10.8	11.2	0.8	0.7	-8.3	19.8
Barang-barang perkilangan perantaraan ³	11.1	13.7	17.1	56.3	21.2	21.5	14.6	32.6
Jentera dan kelengkapan pengangkutan ⁴	35.8	37.4	45.8	32.4	70.4	70.1	34.6	30.0
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap ⁵	7.6	7.5	40.0	25.2	6.1	5.1	25.2	9.8
Pelbagai ⁶	0.4	0.6	54.9	97.0	1.2	2.3	12.8	146.7
JUMLAH	100.0	100.0	13.6	25.5	100.0	100.0	28.2	30.5

¹ Termasuk kod klasifikasi Piawain Perdagangan Antarabangsa (SITC) 0, 1 dan 4.

² Termasuk SITC 2 dan 3.

³ Termasuk SITC 5 dan 6.

⁴ Termasuk SITC 7 sahaja.

⁵ Termasuk SITC 8 sahaja.

⁶ Termasuk SITC 9 sahaja.

Sumber: Jabatan Perangkaan

pembekal utama import Malaysia. Import dari ketiga-tiga negara ini berjumlah RM70 bilion atau 55.8% daripada jumlah import Malaysia, dengan Jepun sebagai sumber import Malaysia terbesar berjumlah RM34.4 bilion atau 27.4% daripada jumlah import. Ini disusuli oleh AS dan Singapura dengan peratusan sebanyak 15.9% dan 12.5% masing-masing.

Seperti tahun-tahun lepas, **Jepun** kekal sebagai rakan perdagangan utama Malaysia. Pada lapan bulan pertama tahun 1995, jumlah perdagangan dengan Jepun meningkat sebanyak 29.4% kepada RM49.3 bilion, yang merupakan 20.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Kenaikan jumlah perdagangan ini adalah disebabkan peningkatan import sebanyak 30.7% dari Jepun kepada RM34.4

bilion, manakala eksport bertambah sebanyak 26.5% kepada RM14.9 bilion. Dengan pertumbuhan import lebih tinggi daripada eksport, defisit perdagangan dengan Jepun semakin berkembang kepada RM19.5 bilion (Januari-Ogos 1994: defisit RM14.5 bilion). Eksport ke Jepun yang kebanyakannya adalah jentera dan kelengkapan dan alat ganti, bahan api galian dan bahan mentah. Barang-barang ini merupakan 72.3% daripada jumlah eksport Malaysia ke Jepun, seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.11. Bagi import pula, jentera dan kelengkapan pengangkutan merupakan 70.1% daripada import Malaysia dari Jepun, diikuti oleh barang-barang perkilangan perantaraan yang merupakan 21.5% daripada import Malaysia dari Jepun.

Perdagangan Dengan Jepun


Pengenalan

Jepun terus menjadi rakan perdagangan terbesar Malaysia. Kemasukan pelaburan Jepun ke Malaysia yang ketara, terutamanya dalam sektor perkilangan pada tempoh tujuh tahun kebelakangan ini, telah menyebabkan kenaikan yang ketara dalam jumlah dagangan Malaysia dengan Jepun, yang merangkumi sebanyak 19% daripada jumlah dagangan luar Malaysia pada 1994. Semenjak tahun 1980 hingga 1994, nilai dagangan luar Malaysia dengan Jepun telah meningkat sebanyak 14% setahun, manakala jumlah dagangan luar Malaysia pada keseluruhannya telah berkembang sebanyak 12% setahun. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, pertambahan import dari Jepun telah meningkat dengan lebih pesat iaitu sebanyak 16% setahun, sementara eksport ke Jepun bertambah dengan kadar yang perlahan iaitu 8% setahun. Oleh itu, Malaysia telah mengalami defisit dagangan yang besar dengan Jepun sejak tahun 1988, daripada RM0.8 bilion pada 1988 kepada RM23.3 bilion pada 1994, iaitu peningkatan sebanyak 30 kali ganda dalam tempoh selama enam tahun.

Pertambahan Import Dari Jepun

Pelaburan asing langsung dari Jepun telah meningkat dengan pesat, terutamanya selepas kenaikan nilai yen semenjak Persetujuan Plaza pada tahun 1985. Kenaikan nilai yen Jepun yang ketara berbanding dengan ringgit Malaysia berserta dengan iklim pelaburan yang lebih baik telah menyebabkan peningkatan pesat pelaburan Jepun di Malaysia (sila lihat Carta 1). Pertambahan jumlah pekilang-pekilang Jepun yang menggunakan Malaysia sebagai pengkalan pengeluaran dan pengeksportan adalah berikutan dari kenaikan kos pengeluaran di Jepun serta kos perniagaan yang lebih murah di Malaysia. Jumlah pelaburan Jepun dalam sektor perkilangan yang telah diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah meningkat dengan pesat pada kadar purata sebanyak 41% setahun bagi tempoh 1987-94¹. Jumlah pelaburan tersebut telah meningkat sebanyak sembilan kali ganda daripada

Carta 1
Perhubungan antara Pelaburan Jepun
Diluluskan dan Kadar Pertukaran Yen- Ringgit




jumlah terkumpul sebanyak RM2.1 bilion bagi tempoh 1981-87 kepada RM17.9 bilion bagi tempoh 1988-94.

Peningkatan pelaburan Jepun yang ketara telah menyebabkan peningkatan import dari Jepun, khususnya import barangan modal dan perantaraan. Ini terutamanya disebabkan oleh kecenderungan firma-firma Jepun yang melabur dalam sektor perkilangan untuk mendapatkan loji dan jentera serta input perkilangan perantaraan daripada syarikat induk atau syarikat bersekutu di Jepun. Kenaikan yang ketara dalam pembentukan modal bagi semua sektor ekonomi, daripada jumlah terkumpul sebanyak RM154 bilion bagi tempoh 1981-87 kepada RM315 bilion bagi tempoh 1988-94, juga telah menyumbangkan kepada peningkatan pesat import dari Jepun memandangkan pergantungan pelabur-pelabur Malaysia terhadap barangan dan teknologi Jepun. Oleh itu, import dari Jepun telah meningkat pada kadar purata sebanyak 29% setahun bagi tempoh 1988-94, berbanding dengan peningkatan sebanyak 4% setahun bagi tempoh 1981-87 (sila lihat Carta 2).

¹ Tahun 1987 diguna sebagai tahun asas untuk mengesankan kesan Iat daripada Persetujuan Plaza yang telah diumumkan pada tahun 1985.

Carta 2
Perhubungan antara Pelaburan Jepun
Diluluskan dan Perdagangan dengan Jepun



Barangan perkilangan terus menjadi komponen import yang terbesar, iaitu merupakan 97% daripada jumlah import dari Jepun (sila lihat Jadual 1). Import jentera dan kelengkapan pengangkutan dan alat ganti, yang kebanyakannya merupakan barangan modal, meningkat pada kadar purata sebanyak 32% setahun. Ini merupakan 70% daripada jumlah import dari Jepun pada tahun 1994, berbanding dengan 62% pada tahun 1987 dan 60% pada tahun 1980. Barangan import tersebut termasuklah injap termionik dan litar paduan, jentera elektrik, telekomunikasi dan sistem suara serta jentera dan kelengkapan lain. Kenaikan peratusan import jentera dan kelengkapan pengangkutan serta alat ganti adalah disebabkan oleh pertambahan kegiatan pelaburan dalam ekonomi negara. Sejak tahun 1980, import Malaysia dari Jepun telah mengalami perubahan. Pada tahun 1980, kelengkapan pengangkutan merupakan komponen import tunggal terbesar iaitu sebanyak 24% daripada jumlah import dari Jepun. Walau bagaimanapun, dengan penubuhan dua projek kereta nasional di Malaysia dan pengurangan pertumbuhan pelaburan Jepun dalam sektor kelengkapan pengangkutan, sumbangan

import kelengkapan pengangkutan telah menurun daripada 24% pada tahun 1980 kepada 11% pada tahun 1987 dan 9% pada tahun 1994. Walaupun terdapat penurunan sumbangan, import kelengkapan pengangkutan masih meningkat dengan pesat sepanjang tempoh 1988-94 dengan kadar purata tahunan sebanyak 25%. Sebahagian besar import ini merupakan kereta penumpang, terutamanya yang berenjin kapasiti tinggi yang tidak dikeluarkan di Malaysia, dan kenderaan perdagangan untuk pengangkutan barang-barang dan pengangkutan awam.

Import barangan perkilangan perantaraan yang mengandungi besi dan keluli, keluaran logam dan bukan logam serta kimia dan keluaran kimia, telah bertambah pada kadar purata tahunan sebanyak 24% bagi tempoh 1988-94 berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 1% setahun bagi tempoh 1981-87. Walau bagaimanapun, sumbangan import barangan perantaraan kepada jumlah import dari Jepun telah merosot bagi tempoh 14 tahun yang lepas, daripada 34% pada tahun 1980 kepada 28% pada tahun 1987 dan 21% pada tahun 1994. Ini terutamanya disebabkan oleh penempatan semula industri yang mengeluarkan barangan tersebut di Malaysia akibat daripada kenaikan kos pengeluaran di Jepun. Mengikut kelulusan pelaburan oleh MIDA, pelaburan Jepun dalam sektor kimia dan keluaran kimia serta industri keluaran logam dan bukan logam berjumlah sebanyak RM67 bilion dalam tempoh 1981-94. Ini merupakan 33% daripada jumlah pelaburan Jepun yang diluluskan di Malaysia dalam tempoh tersebut.

Berikutan kenaikan pendapatan dan permintaan terhadap barangan penggunaan dan barangan siap dalam negeri, import barang-barang perkilangan siap (terutamanya peralatan sains dan muzik, dan peralatan penggambaran) meningkat pesat pada kadar purata sebanyak 26% setahun bagi tempoh 1988-94 (1981-87: 15% setahun). Oleh itu, sumbangan barang-barang perkilangan siap meningkat daripada 3% daripada jumlah keseluruhan import pada tahun 1980 kepada 6% pada tahun 1994.

Eksport Malaysia Ke Jepun

Kadar pertumbuhan eksport Malaysia ke Jepun meningkat lebih dua kali ganda, daripada purata tahunan sebanyak 5% bagi tempoh 1981-87 kepada 11% bagi tempoh 1988-94. Kenaikan pelaburan asing langsung dari Jepun telah menyebabkan perubahan struktur eksport Malaysia ke Jepun.

Jadual 1

Import Dari Jepun

	Nilai pada c.i.f (RM juta)			Peratusan (%)			Pertumbuhan purata tahunan (%)	
	1980	1987	1994	1980	1987	1994	1981-87	1988-94
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak ¹	91	71	120	2	1	*	-3	8
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir ²	69	91	331	1	1	1	4	20
Barang-barang perkilangan perantaraan ³ termasuk:	1,805	1,949	8,923	34	28	21	1	24
Kimia dan keluaran berkaitan	358	575	2,695	7	8	6	7	25
Besi dan keluli, keluaran galian logam dan bukan logam	1,183	1,001	5,190	22	14	12	-2	27
Jentera dan kelengkapan pengangkutan ⁴ termasuk:	3,198	4,291	29,252	60	62	70	4	32
Jentera dan kelengkapan penjanaan kuasa	141	318	1,057	3	5	3	12	19
Jentera khusus bagi industri tertentu	711	521	3,582	13	8	9	-4	32
Jentera kerja logam	41	128	1,137	1	2	3	18	37
Jentera dan kelengkapan perusahaan am	286	518	2,861	5	7	7	9	28
Mesin pejabat dan pemprosesan data	34	106	858	1	2	2	18	35
Telekomunikasi dan sistem suara	285	420	3,421	5	6	8	6	35
Jentera elektrik	223	574	4,870	4	8	12	14	36
Injap dan tiub termionik, litar paduan dan alat ganti	212	944	7,762	4	14	19	24	35
Kelengkapan pengangkutan	1,264	759	3,703	24	11	9	-7	25
Barang-barang perkilangan, barangan siap ⁵ termasuk:	190	502	2,465	3	7	6	15	26
Alat sains dan muzik, perkakas dan kelengkapan seni foto	177	543	2,359	3	8	6	17	23
Pelbagai import ⁶	11	14	531	*	*	1	4	68
JUMLAH	5,364	6,918	41,622	100	100	100	4	29

¹ Termasuk SITC 0 (makanan), 1 (minuman dan tembakau) dan 4 (minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran).

² Termasuk SITC 2 (bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan dan bahan api galian, pelincir dan lain-lain).

³ Termasuk SITC 5 (bahan kimia dan keluaran berkaitan) dan 6 (barang-barang Perkilangan).

⁴ SITC 7 (jentera dan kelengkapan pengangkutan) sahaja.

⁵ SITC 8 (pelbagai barangan keluaran kilang) sahaja.

⁶ SITC 9 (pelbagai urus niaga dan barangan) sahaja.

* kurang daripada 0.5

Pada awal 1980an, eksport Malaysia ke Jepun sebahagian besarnya terdiri daripada barangan utama, yang merupakan 85% daripada jumlah eksport ke Jepun (sila lihat Jadual 2). Barangan ini adalah termasuk gabus dan kayu, petroleum dan keluaran petroleum serta gas asli dan diproses. Berikutan kenaikan yang ketara pelaburan asing langsung dari Jepun, terutamanya dalam industri elektrik dan elektronik serta perkilangan jentera bagi tempoh 1988-94, eksport jentera dan kelengkapan serta alat ganti termasuk keluaran elektrik dan elektronik ke Jepun meningkat dengan ketara pada kadar purata 41% setahun bagi tempoh 1988-94. Oleh itu, sumbangan eksport jentera dan kelengkapan serta alat ganti kepada jumlah eksport ke Jepun meningkat kepada 35% pada tahun 1994, berbanding dengan 2% pada tahun 1980 dan 7% pada tahun 1987. Eksport jentera dan kelengkapan ke Jepun yang sebahagian besarnya terdiri daripada injap termionik dan litar paduan pada 1980an, kini lebih meluas meliputi mesin pejabat dan pemprosesan data, televisyen dan radio, kelengkapan telekomunikasi, serta jentera dan kelengkapan elektrik. Eksport tersebut merangkumi 22% daripada jumlah eksport ke Jepun pada tahun 1994 berbanding dengan jumlahnya yang begitu kecil pada awal 1980an.

Sumbangan eksport barangan utama telah berkurangan daripada 85% pada tahun 1980 kepada 45% pada tahun 1994. Tiga jenis barangan utama tersebut adalah kayu, petroleum dan gas. Ia merupakan 73% daripada jumlah eksport ke Jepun pada tahun 1980, dan menurun kepada 36% pada tahun 1994.


Eksport barangan perantaraan, yang meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 20% bagi tempoh 1988-94, kekal menyumbangkan sebanyak 12% daripada jumlah eksport ke Jepun pada tahun 1994. Bagi eksport barangan perantaraan, terdapat perubahan daripada eksport besi dan keluli serta keluaran galian kepada gabus dan keluaran kayu serta kimia dan barang-barang berkaitan. Ianya merupakan 8% daripada jumlah eksport ke Jepun pada tahun 1994 (1980: 1%). Walau bagaimanapun, sumbangan eksport keluaran galian berkurangan daripada 10% pada tahun 1980 kepada 2% pada tahun 1994.

Di samping itu, eksport barangan siap bertambah dengan pesat (47% setahun) dalam tempoh yang sama dan merangkumi 7% daripada jumlah eksport ke Jepun pada tahun 1994 (1980 dan 1987: 1%). Eksport perabot dan alat sains dan muzik serta perkakas dan kelengkapan seni foto berkembang dengan pesat sehingga merupakan 6% daripada jumlah eksport ke Jepun pada tahun 1994.

Peningkatan Eksport ke Negara-negara Lain di Dunia

Dengan bertambahnya bilangan industri-industri Jepun yang ditempatkan semula di Malaysia, eksport barangan perkilangan ke Jepun juga telah meningkat. Ini kerana sebahagian daripada barang-barang yang dikeluarkan oleh firma-firma Jepun di Malaysia dieskport semula ke Jepun, walaupun sebahagian besar daripada barang-barang yang dikeluarkan oleh firma-firma tersebut dieskport ke negara-negara ketiga. Keseluruhan eksport Malaysia ke Jepun terus meningkat hasil daripada peningkatan keupayaan keluaran berikutan dengan penambahan pelaburan oleh firma-firma Jepun. Ini dapat dilihat di dalam Carta 3 dan 4 yang menunjukkan peningkatan eksport Malaysia ke negara-negara lain di dunia, sejajar dengan pertumbuhan pelaburan asing langsung, terutamanya dari Jepun. Oleh yang demikian, walaupun Malaysia mencatatkan pertumbuhan defisit dagangan dengan Jepun, sedikit sebanyak ianya dapat diimbangi oleh kenaikan lebih banyak dagangan Malaysia dengan rakan perdagangan utama yang lain seperti Amerika Syarikat, Singapura dan Hong Kong yang pada kebiasaannya mengimport barangan keluaran perkilangan mereka dari Jepun.

Carta 3
Perhubungan antara Pelaburan Jepun
Diluluskan dan Perdagangan dengan
Negara-Negara Lain di Dunia



Jadual 2
Eksport Ke Jepun

	Nilai pada f.o.b. (RM juta)			Peratusan (%)			Pertumbuhan purata tahunan (%)	
	1980	1987	1994	1980	1987	1994	1981-87	1988-94
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak ¹	299	437	1,038	5	5	6	6	13
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir ²	5,144	7,059	7,214	80	80	39	5	*
<i>termasuk:</i> Gabus dan kayu	1,781	2,954	2,433	28	33	13	7	-3
Petroleum & keluaran petroleum	2,869	1,791	1,996	45	20	11	-7	2
Gas asli dan diproses	0	1,826	2,270	0	21	12	—	3
Barang-barang perkilangan perantaraan ³	763	620	2,198	12	7	12	-3	20
<i>termasuk:</i> Kimia dan keluaran berkaitan	11	108	593	*	1	3	39	28
Gabus dan perkilangan kayu	40	87	878	1	1	5	12	39
Besi dan keluli, keluaran galian logam dan bukan logam	664	319	444	10	4	2	-10	5
Jentera dan kelengkapan pengangkutan ⁴	151	586	6,466	2	7	35	21	41
<i>termasuk:</i> Mesin dan alat ganti pejabat dan pemprosesan data	*	2	702	*	*	4	56	131
Alat terima siaran televisyen dan radio	10	21	1,094	*	*	6	11	76
Kelengkapan telekomunikasi	2	22	1,242	*	*	7	41	78
Jentera dan kelengkapan elektrik	10	21	852	*	*	5	11	70
Injap dan tiub termionik, litar paduan dan alat ganti	114	420	2,017	2	5	11	20	25
Barang-barang perkilangan, barangan siap ⁵	28	93	1,360	1	1	7	7	47
<i>termasuk:</i> Alat sains dan muzik, perkakas dan kelengkapan seni foto	44	53	720	1	1	4	3	45
Perabot dan alat ganti	8	4	405	*	*	2	-9	93
Pelbagai eksport ⁶	14	29	72	*	*	*	11	14
JUMLAH	6,429	8,824	18,348	100	100	100	5	11

¹ Termasuk SITC 0 (makanan), 1 (minuman dan tembakau) dan 4 (minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran).

² Termasuk SITC 2 (bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan dan bahan api galian, pelincir dan lain-lain).

³ Termasuk SITC 5 (kimia dan keluaran berkaitan) dan 6 (barang-barang perkilangan).


⁴ SITC 7 (Jentera dan kelengkapan pengangkutan) sahaja.

⁵ SITC 8 (pelbagai barang keluaran kilang) sahaja.

⁶ SITC 9 (pelbagai urus niaga dan barangan) sahaja.

* kurang daripada 0.5

Carta 4
Perdagangan Luar dengan Negara Utama



Kesan Kenaikan Nilai Yen Terhadap Perdagangan Malaysia

Mengikut teori mengenai perdagangan dan kadar pertukaran, sebarang peningkatan nilai mata wang sesebuah negara akan menyebabkan kenaikan harga-harga eksport dan kejatuhan harga import yang sekaligus akan menjejaskan lebihan dagangan yang dinikmati oleh negara berkenaan. Namun begitu, terdapat bukti nyata yang menunjukkan teori tersebut sebenarnya tidak tepat. Misalnya, nilai mata wang yen Jepun telah meningkat melebihi 100% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat selepas Persetujuan Plaza pada tahun 1985 dengan tujuan untuk mengurangkan lebihan dagangan yang besar dinikmati oleh negara Jepun. Namun begitu, kesan sebaliknya telah berlaku di mana kenaikan pesat nilai yen dalam tempoh tersebut telah menyebabkan lebihan dagangan Jepun bertambah meningkat. Sebenarnya, mengikut Athukorala dan Menon² (1992) tidak terdapat kesan langsung yang menyeluruh akibat kenaikan kadar pertukaran terhadap harga barangan memandangkan sistem perdagangan terbuka yang diamalkan melalui badan-badan korporat multinasional. Pada hakikatnya, kenaikan nilai yen telah menyebabkan kejatuhan ketara dalam Jumlah kos kerana sebahagian besar daripada input yang digunakan oleh industri di Jepun adalah diimport. Namun begitu, margin pulangan mungkin berkurangan pada peringkat awal khususnya bagi industri-industri yang tidak berdaya saing.

Pemerhatian awal terhadap kes Malaysia bagi tempoh 1980-94 menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang jelas antara kejatuhan nilai ringgit berbanding yen dan pertambahan eksport ke Jepun atau pengurangan barangan import dari negara tersebut. Sebaliknya, jumlah import dari negara Jepun telah meningkat dengan pesat terutamanya bagi tempoh 1988-94 (29% setahun) berikutan dengan meningkatnya pelaburan asing langsung negara Jepun di Malaysia. Pertumbuhan pelaburan ini telah mengakibatkan pertambahan defisit dagangan Malaysia dengan Jepun disebabkan syarikat-syarikat multinasional Jepun mengimport barang-barang modal dan perantaraan dari negara mereka sendiri.

Kesannya, import dari Jepun merangkumi 26.7% daripada jumlah import negara, manakala nilai eksport ke negara Jepun hanya merangkumi 11.9% daripada jumlah eksport keseluruhan Malaysia.

Nilai import dari Jepun adalah dua kali ganda lebih tinggi dari jumlah eksport. Oleh itu, sebarang kenaikan nilai yen berbanding dengan ringgit Malaysia akan memburukkan lagi defisit dagangan yang sedia besar pada masa kini. Namun begitu, keadaan ini sebahagiannya dapat diimbangi oleh kenaikan jumlah eksport Malaysia ke negara-negara ketiga hasil daripada penempatan lebih banyak industri Jepun yang berorientasikan eksport di Malaysia.

Penutup

Kadar pertumbuhan dan corak dagangan Malaysia dengan Jepun telah dipengaruhi oleh pertumbuhan pesat kegiatan-kegiatan pelaburan Jepun di Malaysia, terutama semenjak pertengahan 1980an berikutan dengan Persetujuan Plaza yang telah menyebabkan kenaikan nilai yen. Ini pula disokong oleh usaha-usaha Kerajaan untuk meliberalisasikan ekonomi Malaysia dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan di negara ini. Peningkatan pelaburan Jepun telah menyebabkan kenaikan import barangan modal dan barangan perantaraan dari Jepun. Oleh kerana firma-firma Jepun menggunakan Malaysia sebagai pengkalan pengeluaran dan pengeksportan, peningkatan pelaburan Jepun di Malaysia telah menyebabkan negara ini mengalami peningkatan defisit dagangan dengan Jepun. Walau bagaimanapun, ini sebahagiannya dapat diimbangi oleh pertambahan eksport Malaysia ke negara-negara ketiga yang lain.

Penempatan semula industri-industri Jepun di Malaysia dijangka akan berterusan dalam jangka masa sederhana, jika nilai yen terus meningkat berbanding dengan ringgit Malaysia. Ini adalah kerana hanya sebahagian kecil sahaja (6%) daripada keluaran barangan perkilangan oleh firma-firma Jepun adalah dikeluarkan di luar negeri berbanding dengan 27% oleh firma-firma Amerika Syarikat dan 18% oleh firma-firma Jerman. Pada masa yang sama, firma-firma Jepun yang sedia ada di Malaysia mungkin akan meneruskan pelaburan semula dan menambah keupayaan pengeluaran. Oleh itu, import barangan modal dan perantaraan dari Jepun dijangka terus besar, memandangkan firma-firma Jepun di Malaysia mempunyai rantaian yang kecil dengan ekonomi tempatan. Oleh yang demikian, Malaysia dijangka akan terus mencatatkan defisit dagangan dengan Jepun. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada defisit ini akan dapat diimbangi oleh pertambahan eksport Malaysia ke negara-negara lain, terutamanya eksport barang-barang yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat multinasional Jepun yang beroperasi di Malaysia.

² Athukorala, P. and Menon, J. (1992) "Pricing to Market Behaviour and Exchange Rate Pass-Through in Japanese Exports", Kertas Perbincangan 32/92, School of Economics and Commerce, La Trobe University, Melbourne.

Perdagangan Malaysia dengan AS meningkat sebanyak 17.9% kepada RM43.7 bilion pada lapan bulan pertama tahun 1995. Eksport ke AS, yang merupakan 20.1% daripada jumlah eksport Malaysia berkembang sebanyak 15.7% kepada RM23.7 bilion. Daripada jumlah eksport Malaysia ke AS, 77.8% merupakan jentera dan kelengkapan pengangkutan, diikuti dengan barang-barang perkilangan siap (12.7%), seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.12. Sebaliknya, import dari AS yang merupakan 15.9% daripada jumlah import Malaysia, meningkat sebanyak 22.3% kepada RM20 bilion pada lapan bulan pertama tahun 1995. Demikian juga import jentera dan kelengkapan pengangkutan yang merupakan komponen import Malaysia terbesar, menyumbangkan 74.8% daripada jumlah import. Pada lapan bulan pertama tahun 1995,

Malaysia terus mencatatkan lebih sebanyak RM3.7 bilion dengan AS, berbanding dengan lebih sebanyak RM4.2 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1994.

Perdagangan Malaysia dengan Singapura berkembang pada kadar 16.4% kepada RM40 bilion pada lapan bulan pertama tahun 1995 dengan eksport meningkat sebanyak 19.6% kepada RM24.4 bilion dan import meningkat sebanyak 9% kepada RM15.7 bilion. Dengan eksport berkembang lebih cepat daripada import, lebih perdagangan Malaysia meningkat kepada RM8.7 bilion (Januari-Ogos 1994: RM6 bilion). Sebahagian besar daripada eksport ke Singapura merupakan jentera dan kelengkapan pengangkutan (64.4%) dan barang-barang perkilangan perantaraan (10%),

Jadual 7.12
Perdagangan dengan Amerika Syarikat
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)	
	1994	1995	1994	1995	1994	1995	1994	1995
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1.9	1.8	-0.8	3.5	2.1	3.0	30.2	76.6
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian pelincir	2.3	2.3	18.6	10.4	2.6	2.0	12.6	-5.4
Barang-barang perkilangan perantaraan	4.4	4.4	24.9	14.3	10.1	10.7	9.2	30.2
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	76.9	77.8	32.7	15.3	76.8	74.8	22.1	19.1
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	14.4	12.7	20.0	1.0	6.2	5.4	50.3	5.8
Pelbagai	0.1	1.1	-11.8	934.3	2.2	4.1	63.9	125.3
JUMLAH	100.0	100.0	29.0	14.0	100.0	100.0	22.6	22.3

Sumber: Jabatan Perangkaan

seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.13. Import Malaysia dari Singapura adalah terutamanya jentera dan kelengkapan pengangkutan (60.1%), bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir (14.1%).

Jumlah perdagangan dengan **EU** meningkat pada kadar 38.6% pada lapan bulan pertama tahun 1995 kepada RM36.8 bilion atau 15.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Import dari EU meningkat dengan ketara sebanyak 51.8% manakala eksport ke EU meningkat dengan kadar yang lebih perlahan sebanyak 25.6%. Oleh itu, Malaysia mencatatkan defisit perdagangan sebanyak RM3.2 bilion dengan EU, berbanding dengan lebihan sebanyak RM0.2 bilion yang

dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1994. Jerman terus kekal sebagai rakan dagangan terbesar di kalangan EU, dengan nilai perdagangan sebanyak RM9.2 bilion, diikuti oleh UK (RM8.4 bilion). Jentera dan kelengkapan pengangkutan adalah eksport dan import utama, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.14.

Perdagangan dengan **NIE di Asia**, tidak termasuk Singapura, bertambah sebanyak 32.4% kepada RM27 bilion (Januari-Ogos 1994: RM20.4 bilion) atau 11.1% daripada jumlah perdagangan. Import terus meningkat dengan lebih pesat (37.8%) daripada eksport (27%), menyebabkan Malaysia mencatatkan defisit sebanyak RM1 bilion (Januari-Ogos 1994: lebihan RM68 juta). Taiwan merupakan

Jadual 7.13
Perdagangan dengan Singapura
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)	
	1994	1995	1994	1995	1994	1995	1994	1995
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	8.1	7.4	0.2	11.1	0.6	0.6	2.0	11.7
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	9.8	8.6	-25.2	6.0	13.7	14.1	-9.7	12.9
Barang-barang perkilangan perantaraan	11.6	10.0	19.7	4.7	12.3	13.3	2.5	18.9
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	61.1	64.4	39.1	27.4	63.3	60.1	40.9	4.8
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	8.2	6.7	0.4	-0.4	5.0	4.7	23.4	5.0
Pelbagai	1.2	2.8	-3.8	18.0	5.1	7.2	34.4	56.5
JUMLAH	100.0	100.0	19.2	20.9	100.0	100.0	24.4	10.3

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 7.14
Perdagangan dengan Kesatuan Eropah
(Januari-Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Sumbangan (%)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>		<i>Sumbangan (%)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	1994	1995	1994	1995	1994	1995	1994	1995
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	10.1	8.6	30.6	1.6	3.5	2.9	11.1	19.9
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api, galian dan pelincir	9.3	10.1	7.3	30.7	1.9	1.8	-16.2	39.1
Barang-barang perkilangan perantaraan	9.5	9.7	22.0	23.2	25.6	19.4	34.6	9.6
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	55.9	56.7	23.5	22.3	58.4	66.8	58.0	64.7
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	14.8	13.1	0.8	6.3	4.5	3.9	37.0	20.8
Pelbagai	0.4	1.8	21.8	480.4	6.0	5.2	175.7	23.6
JUMLAH	100.0	100.0	18.4	20.3	100.0	100.0	56.8	43.8

Sumber: Jabatan Perangkaan

rakan dagangan utama Malaysia di kalangan NIE di Asia, dengan jumlah perdagangan sebanyak RM10 bilion. Jentera dan kelengkapan pengangkutan serta keluaran perkilangan perantaraan adalah eksport dan import utama ke dan dari negara-negara ini, seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.15.

Perdagangan Malaysia dengan negara **ASEAN** (tidak termasuk Singapura dan Vietnam) meningkat lebih perlahan pada kadar 23.6% kepada RM13.5 bilion pada lapan bulan pertama tahun 1995 (Januari-Ogos 1994: 33.4%), menyumbangkan 5.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke negara-negara tersebut menyumbangkan 5.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport kepada negara-negara ini bertambah sebanyak 18.2% kepada RM7.6 bilion manakala

import pula meningkat lebih pesat sebanyak 31.4% kepada RM5.9 bilion. Walau bagaimanapun, Malaysia terus mencatatkan lebihan dagangan dengan empat buah negara ASEAN ini (RM1.6 bilion), walaupun lebihan itu adalah lebih rendah daripada lebihan RM1.9 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1994. Seperti tahun-tahun lalu, eksport utama ke negara-negara tersebut adalah jentera dan kelengkapan pengangkutan (34.8%), bahan api galian (21.7%) dan barang-barang perkilangan (13.4%), manakala import dari negara ASEAN pula adalah makanan (17.2%) dan jentera dan kelengkapan pengangkutan (16.5%).

Jumlah perdagangan dengan **China** berkembang sebanyak 11.3% pada lapan bulan pertama tahun 1995 (Januari-Ogos 1994: 50.4%), yang merupakan 5.6% daripada jumlah

Jadual 7.15
Perdagangan dengan Negara-negara Ekonomi Perindustrian Baru di Asia¹
 (Januari-Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Sumbangan (%)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>		<i>Sumbangan (%)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	1994	1995	1994	1995	1994	1995	1994	1995
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	6.6	7.2	30.4	40.7	1.4	1.1	-9.6	11.1
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	23.8	19.0	-24.1	3.2	1.2	1.7	15.3	86.0
Barang-barang perkilangan perantaraan	20.1	23.5	24.8	50.6	30.6	30.3	11.2	34.8
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	43.2	44.0	36.1	31.1	55.7	54.8	40.6	34.0
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	5.7	5.3	64.0	20.5	7.3	6.4	12.9	19.1
Pelbagai	0.5	0.9	12.2	108.3	3.7	5.7	60.5	108.8
JUMLAH	100.0	100.0	13.0	28.7	100.0	100.0	27.1	36.0


¹ Termasuk Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong sahaja.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

perdagangan Malaysia. Kenaikan sederhana ini adalah disebabkan oleh pengurangan pertumbuhan eksport (3.2%) dan import (23.2%). Meskipun eksport meningkat dengan kadar yang lebih perlahan berbanding dengan import, perdagangan Malaysia dengan China terus mencatatkan lebih (RM653 juta), walaupun ini adalah lebih rendah daripada yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1994 (RM1.1 bilion). Eksport Malaysia ke China adalah terutamanya barangan utama seperti kayu balak, getah, minyak kelapa sawit dan barang-barang perkilangan. Import pula adalah terutamanya barang-barang makanan, kaca dan ubat-ubatan.

Perdagangan Malaysia dengan **Australia** meningkat sebanyak 24.5% kepada RM5.1 bilion pada lapan bulan pertama tahun 1995 (Januari-Ogos 1994: RM4.1 bilion). Meskipun pertumbuhan eksport (41.8%) lebih tinggi daripada pertumbuhan import (16.5%), Malaysia terus mencatatkan defisit perdagangan dengan Australia (RM1.4 bilion), walaupun ianya adalah lebih kecil daripada RM1.5 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1994. Bagi **New Zealand** pula, eksport Malaysia ke negara itu merosot sebanyak 52.5% sementara import meningkat sebanyak 1.4%. Oleh demikian, Malaysia mencatatkan defisit perdagangan (RM203 juta) dengan New Zealand

Carta 7.8
Imbangan Perdagangan
(Januari - Ogos 1995)



Sumber : Jabatan Perangkaan

berbanding dengan lebih sebanyak RM116 juta yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1994. Import Malaysia dari kedua-dua negara ini adalah terutamanya keluaran tenusu, gandum dan daging, manakala eksport pula adalah barangan utama dan barang-barang perkilangan, termasuk jentera dan kelengkapan pengangkutan.

Meskipun perdagangan Malaysia dengan **Asia Barat** meningkat dengan ketara sebanyak 28.4% kepada RM3.3 bilion, ianya hanya merupakan 1.4% dari jumlah perdagangan Malaysia pada lapan bulan pertama tahun 1995. Jumlah eksport ke Asia Barat meningkat sebanyak 34.2% kepada RM2.6 bilion (Januari-Ogos 1994: RM2 bilion), sementara import meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 10% kepada RM0.7 bilion (Januari-Ogos 1994: RM0.6 bilion). Oleh itu, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan yang lebih besar sebanyak RM2 bilion berbanding dengan RM1.4 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1994. Arabia Emirah Bersatu, Arab Saudi dan Jordan terus kekal sebagai rakan dagangan

utama Malaysia di kalangan negara Asia Barat, menyumbangkan kira-kira 71% daripada jumlah perdagangan dengan Asia Barat. Eksport utama Malaysia ke Asia Barat adalah minyak sawit mentah dan barang-barang perkilangan, sementara separuh daripada jumlah import dari Asia Barat adalah bahan api galian.

Perdagangan Malaysia dengan **Eropah Timur** juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 49.7% kepada RM516 juta pada lapan bulan pertama tahun 1995 (Januari-Ogos 1994: RM345 juta). Dengan kenaikan import (53.5%) yang lebih cepat daripada kenaikan eksport (46%), Malaysia mencatatkan lebih kecil sebanyak RM6 juta dengan Eropah Timur. Walau bagaimanapun, jumlah perdagangan dengan negara-negara ini hanyalah merupakan 0.2% sahaja daripada jumlah perdagangan Malaysia. Minyak kelapa sawit, getah, barang-barang perkilangan serta jentera dan kelengkapan pengangkutan adalah eksport barangan utama ke negara-negara ini.

Jadual 7.16

**Haluan Perdagangan dengan Rakan-Rakan Dagangan Lain
(Januari-Ogos)**

	Eksport				Import				Imbangan perdagangan	
	Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		Perubahan tahunan (%)	
	1994	1995	1994	1995	1994	1995	1994	1995	1994	1995
ASEAN (tidak termasuk Singapura dan Vietnam)	30.4	30.3	35.7	18.2	24.9	27.3	30.2	31.4	1,900	1,648
China	15.9	13.8	67.1	3.2	12.6	12.9	31.1	23.2	1,076	65.3
Australia	6.1	7.4	26.9	41.8	15.4	15.0	39.3	16.5	-1,500	-1,419
New Zealand	2.8	1.1	46.3	-52.5	2.6	2.2	14.5	1.4	116	-203
Asia Barat	9.3	10.6	19.9	34.2	3.4	3.1	-6.3	10.0	1,356	1,988
Eropah Timur	0.8	1.0	247.7	46.0	0.9	1.2	83.1	53.5	5	-6
Rakan-rakan dagangan lain	34.7	35.8	11.6	22.3	40.1	38.2	23.2	14.2	59	662
JUMLAH	100.0	100.0	28.7	26.9	100.0	100.0	26.9	19.9	3,012	3,304
(Sumbangan kepada jumlah eksport atau import)	21.7	18.4			18.4	17.3				

Sumber: Jabatan Perangkaan

Perdagangan Malaysia dengan beberapa buah negara lain, seperti Indo-China, Myanmar, Amerika Tengah dan Amerika Selatan serta Afrika Selatan juga telah meningkat pada tempoh yang sama. Meskipun demikian, ianya masih merupakan sebahagian kecil daripada jumlah perdagangan Malaysia. Negara-negara ini merupakan potensi pasaran baru yang boleh diterokai oleh pengeksport Malaysia, berikutan dengan kemungkinan penarikan balik kedudukan GSP Malaysia oleh Amerika Syarikat pada tahun 1997. Namun begitu, satu perkara yang menggalakkan ialah eksport Malaysia telah mencapai kemajuan ketara dalam menembusi pasaran baru, terutamanya di Eropah Timur.

Imbangan Pembayaran

Akaun semasa imbangan pembayaran dijangka terus merosot pada tahun 1995 disebabkan oleh defisit perkhidmatan yang semakin membesar dan perubahan daripada lebihan dagangan menjadi defisit. Walau bagaimanapun, defisit akaun semasa yang lebih besar itu dijangka akan diimbangi oleh aliran masuk modal jangka panjang dalam bentuk pelaburan korporat asing dan pelaburan semula serta pinjaman luar negeri yang diambil terutamanya oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Dengan jangkaan aliran keluar bersih modal jangka pendek, kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran dijangka akan

Jadual 7.17

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
(RM juta)

	1994			1995 ^a		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
Akaun dagangan (Eksport dan import fob)	148,506	143,945	4,561	180,889	181,384	-495
Akaun perkhidmatan	24,157	40,030	-15,873	30,389	48,430	-18,040
Tambang dan insurans	2,054	9,421	-7,367	2,713	11,246	-8,532
Pengangkutan lain	3,716	3,242	474	4,703	4,172	531
Perjalanan	8,859	4,559	4,300	11,034	5,442	5,593
Pendapatan pelaburan	5,859	15,245	-9,386	7,236	18,501	-11,266
Urus niaga kerajaan	316	352	-36	362	363	-1
Lain-lain perkhidmatan	3,353	7,211	-3,858	4,341	8,706	-4,365
Akaun dagangan dan perkhidmatan	172,663	183,975	-11,312	211,279	229,841	-18,535
Bayaran pindahan	760	446	314	929	534	395
Akaun semasa	173,423	184,421	-10,998	212,208	230,348	-18,140

^a Anggaran

mencatatkan defisit pada tahun 1995. Justeru itu, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia dijangka akan mencatatkan kemerosotan sebanyak RM1.2 bilion pada akhir tahun 1995 kepada RM67 bilion, cukup untuk membiayai 4.4 bulan import dagangan tertangguh.

Akaun Semasa

Eksport dagangan, dinilai fob, dianggarkan meningkat lagi sebanyak 21.8% kepada RM180.9 bilion pada tahun 1995 (1994: RM148.5 bilion). Pertumbuhan eksport dagangan yang terus kukuh adalah terutamanya disebabkan oleh permintaan luar negeri yang mantap, khususnya untuk barangan perkilangan. Walau bagaimanapun,

import dagangan dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi, sebanyak 26% kepada RM181.4 bilion pada tahun 1995 (RM143.9 bilion pada tahun 1994). Peningkatan import dagangan ini adalah disebabkan oleh peningkatan ketara import besar serta import barang-barang pelaburan dan perantaraan yang terus meningkat. Import besar seperti kapal terbang, kapal laut, kapal LNG dan lain-lain struktur terapung dijangka meningkat sebanyak 17.6% kepada RM10 bilion (1994: RM8.5 bilion). Dengan import dagangan meningkat dengan lebih cepat berbanding dengan eksport, akaun dagangan dijangka akan mencatatkan defisit sebanyak RM0.5 bilion pada tahun 1995, berbanding dengan lebihan RM4.6 bilion dicatatkan pada tahun 1994.

Defisit **akaun perkhidmatan** dianggar terus merosot pada tahun 1995, berjumlah RM18 bilion atau 8.9% daripada KNK (RM15.9 bilion atau 9% daripada KNK pada tahun 1994). Defisit akaun perkhidmatan yang membesar adalah terutamanya akibat aliran keluar keuntungan dan dividen yang lebih besar disebabkan tingkat pelaburan asing yang tinggi dalam tahun-tahun kebelakangan ini, peningkatan aliran bersih tambang dan insurans serta bayaran kontrak dan profesyenal yang lebih tinggi. Bagi perkhidmatan berkaitan perjalanan, Malaysia mencatatkan aliran masuk bersih yang menguntungkan. Walau bagaimanapun, ini masih tidak mencukupi bagi mengimbangi aliran keluaran bersih perkara-perkara lain di dalam akaun perkhidmatan.

Aliran keluar **pendapatan pelaburan** terus menjadi penyebab utama defisit perkhidmatan. Bayaran kasar pendapatan pelaburan dijangka akan meningkat daripada RM15.2 bilion pada tahun 1994 kepada RM18.5 bilion pada tahun 1995, disebabkan oleh bayaran keluar keuntungan dan dividen, yang dijangka terus meningkat pesat berikutan perkembangan pesat sektor-sektor perkilangan dan minyak dan gas. Pada masa yang sama, terimaan pendapatan pelaburan juga dijangka akan meningkat kepada RM7.2 bilion pada tahun 1995 (RM5.9 bilion pada tahun 1994), terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi dari harta luar negeri dan harta kewangan lain. Walau bagaimanapun, pendapatan pelaburan yang diterima adalah jauh lebih kecil daripada yang dibayar kepada bukan pemastautin, mengakibatkan aliran keluar bersih pendapatan pelaburan meningkat kepada RM11.3 bilion pada tahun 1995, atau 62.5% daripada jumlah defisit perkhidmatan (RM9.4 bilion atau 59.1% pada tahun 1994).

Defisit **tambang dan insurans** dianggarkan membesar daripada RM7.4 bilion pada tahun 1994 kepada RM8.5 bilion pada tahun 1995, yang merupakan 47.3% daripada jumlah defisit perkhidmatan. Bayaran kasar tambang dan insurans dijangka meningkat kepada RM11.2 bilion pada tahun 1995 (RM9.4 bilion pada tahun 1994), mencerminkan pertumbuhan import yang terus tinggi dan pergantungan kepada perkhidmatan kapal dan insurans semula asing. Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan tambang dan

insurans dianggarkan meningkat pada kadar yang lebih perlahan kepada RM2.7 bilion (RM2.1 bilion pada tahun 1994), mencerminkan pengembangan keupayaan syarikat perkapalan dan penerbangan tempatan. Sungguhpun begitu, pendapatan ini tidak mencukupi untuk mengimbangi kenaikan bayaran tambang dan insurans.

Demikian juga akaun **perkhidmatan lain** dijangka akan terus mencatatkan defisit pada tahun 1995. Jumlah bayaran perkhidmatan untuk perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti bayaran kontrak dan profesional, bayaran pengurusan dan agensi, komisyen, gaji dan elaun kepada bukan pemastautin dijangka akan meningkat kepada RM8.7 bilion pada tahun 1995 (RM7.2 bilion pada tahun 1994), akibat daripada pelaburan asing yang tinggi di tahun-tahun kebelakangan ini dan peningkatan permintaan untuk perkhidmatan perunding dan profesional asing. Jumlah terimaan perkhidmatan-perkhidmatan lain dijangka akan meningkat daripada RM3.4 bilion pada tahun 1994 kepada RM4.3 bilion pada tahun 1995, hasil daripada jangkakan pendapatan yang lebih tinggi daripada perkhidmatan perdagangan, sewa dan royalti serta bayaran kontrak dan profesional. Oleh kerana anggaran terimaan tidak mencukupi untuk menampung bayaran, akaun perkhidmatan-perkhidmatan lain dijangka akan mencatatkan peningkatan aliran keluar bersih sebanyak RM4.4 bilion pada tahun 1995 yang merupakan 24.2% daripada jumlah defisit perkhidmatan (RM3.9 bilion dan 24.3% pada tahun 1994).

Akaun **perjalanan** dijangka bertambah baik lagi, dengan mencatatkan lebihan yang lebih besar sebanyak RM5.6 bilion pada tahun 1995, berbanding dengan lebihan RM4.3 bilion pada tahun 1994. Selaras dengan usaha-usaha agresif yang berterusan untuk menggalakkan sektor pelancongan, jumlah terimaan perjalanan dijangka akan meningkat kepada RM11 bilion, 24.6% lebih tinggi daripada RM8.9 bilion yang telah dicatatkan pada tahun 1994. Walau bagaimanapun, bayaran bagi perjalanan, terutamanya disebabkan oleh rakyat Malaysia yang mengembara di luar negeri untuk tujuan pelajaran, perniagaan, makan angin dan ibadat haji dijangka terus tinggi, sebanyak RM5.4 bilion pada tahun 1995 (RM4.6 bilion pada tahun 1994).

RENCANA 6

Penggunaan Perkhidmatan Kontrak dan Profesional oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Pendahuluan

Sejak satu dekad yang lalu, bayaran yang dibuat oleh Malaysia kerana menggunakan perkhidmatan kontrak dan profesional asing semakin meningkat. Pada tahun 1985, bayaran bagi perkhidmatan kontrak dan profesional ialah sebanyak RM1.8 bilion. Walaupun jumlah ini berkurang selepas itu, bayaran itu telah bertambah dengan ketara sejak tahun 1990. Bayaran di dapati telah meningkat daripada RM2.15 bilion pada tahun 1990 kepada RM4.65 bilion pada tahun 1994. Defisit di bawah komponen ini ialah sebanyak 14.2% daripada keseluruhan defisit akaun perkhidmatan pada tahun 1994. Peningkatan dalam bayaran bagi perkhidmatan kontrak dan profesional perlu diberi perhatian memandangkan pergantungan Malaysia yang berterusan kepada import perkhidmatan tersebut yang seterusnya akan memberi kesan ke atas imbalan pembayaran akaun perkhidmatan.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) khususnya pada akhir-akhir ini menjadi pengguna perkhidmatan kontrak dan profesional asing yang ketara membabitkan lebih satu perempat daripada jumlah import perkhidmatan negara pada tahun 1994. Ini berlaku disebabkan oleh penglibatan yang semakin bertambah oleh beberapa PABK terutama dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan kemudahan awam. Rencana ini akan menganalisa penggunaan perkhidmatan kontrak dan profesional oleh PABK bagi jangka masa di antara 1990-94 dengan memberi penekanan kepada jenis perkhidmatan yang digunakan, jumlah yang terlibat di samping negara yang membekalkan perkhidmatan tersebut. Rencana ini juga akan mencadangkan beberapa langkah untuk mengurangkan pergantungan kepada import.

Takrif

Bayaran kontrak dan profesional seperti yang ditakrifkan di bawah Sistem Melapur Bayaran Imbalan Tunai Bank Negara Malaysia, merujuk kepada tiga bidang utama iaitu:

- yuran yang dibayar kepada atau diterima daripada bukan pemastautin bagi

Jadual 1

Perkhidmatan Kontrak dan Profesional (RM juta)

Tahun	Terimaan	Bayaran	Imbalan	% defisit akaun perkhidmatan
1985	778	1,775	-997	9.6
1986	529	1,428	-899	10.2
1987	625	988	-363	4.3
1988	680	1,195	-515	5.1
1989	1,209	1,400	-191	1.7
1990	1,748	2,150	-402	4.1
1991	1,948	3,300	-1,352	10.2
1992	2,127	3,517	-1,390	9.5
1993	2,160	4,485	-2,325	14.5
1994	2,393	4,647	-2,254	14.2

kepakaran dari segi pengurusan, perakaunan, teknikal dan lain-lain khidmat nasihat profesional dan perkhidmatan yang diberi bagi menjalankan kajian projek pasang-siap serta penyelidikan dan pembangunan;

- bayaran kepada atau diterima daripada bukan pemastautin bagi kerja-kerja pembinaan dan kerja-kerja kejuruteraan yang berkaitan (contoh: pelabuhan, empangan, lapangan terbang, loji penapisan dan kilang) dan bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan yang berkaitan dengan penyelidikan dan eksplorasi berbagai jenis galian (tidak termasuk import dan eksport barangan yang digunakan dalam penyelidikan dan eksplorasi); dan
- bayaran kepada atau terimaan daripada ibu pejabat dan cawangan bukan pemastautin dari sebab perkongsian pentadbiran dan kos operasi.

PABK adalah agensi sektor awam termasuk badan berkanun, syarikat milik kerajaan dan syarikat yang dikuasai oleh Kerajaan. Syarikat yang dikuasai oleh kerajaan biasanya adalah syarikat di mana Kerajaan memiliki lebih dari 50% daripada jumlah ekuiti.

Bayaran oleh PABK Bagi Perkhidmatan Kontrak dan Profesional

Bayaran yang dibuat oleh PABK bagi perkhidmatan kontrak dan profesional dapat dilihat daripada kaji selidik yang dibuat ke atas 41 PABK yang menunjukkan peningkatan yang ketara bagi tempoh 1990-94. Bayaran yang berjumlah sebanyak RM326 juta dalam tahun 1990 telah meningkat dengan mendadak kepada RM1.2 bilion pada tahun 1994, menunjukkan kenaikan purata tahunan sebanyak 67% bagi jangka masa tersebut. Jumlah ini merupakan 26% daripada keseluruhan bayaran oleh Malaysia kepada perkhidmatan kontrak dan profesional pada tahun 1994 berbanding dengan 15% pada tahun 1990.

Negara-negara yang Membekalkan Perkhidmatan Kontrak dan Profesional kepada PABK

Jepun, United Kingdom (UK), Perancis dan Amerika Syarikat (AS) merupakan negara pembekal utama perkhidmatan kontrak dan profesional kepada PABK. Negara-negara ini membekalkan kira-kira 82% daripada perkhidmatan yang diimport oleh PABK dalam tahun 1994. Perkhidmatan yang dibekalkan oleh negara-negara tersebut merangkumi bidang perkhidmatan kejuruteraan diikuti oleh pengurusan projek dan pembangunan pengurusan/khidmat nasihat profesional.

UK dan AS mengekalkan bahagian masing-masing di dalam pasaran bagi tempoh 1990-94. Jepun, walau bagaimanapun menunjukkan pegangan pasaran yang berkurangan iaitu daripada

54% pada tahun 1990 kepada 43% pada tahun 1994. Perancis, sejak tahun 1993 telah muncul sebagai pembekal yang penting. Dalam tahun 1994, Perancis membekalkan perkhidmatan bernilai RM182 juta atau 15% dari jumlah bayaran yang dibuat.

Pembekal-pembekal utama yang lain ialah Singapura, Korea Selatan, Kanada, Australia, Hong Kong dan Sweden. Negara-negara lain seperti India, Switzerland, Denmark, Italy, Brazil dan Taiwan juga membekalkan berbagai perkhidmatan kepada PABK. Walau bagaimanapun tidak terdapat pola yang jelas mengenai pencapaian masing-masing sebagai pembekal perkhidmatan kontrak dan profesional.

Jenis-jenis Perkhidmatan Kontrak dan Profesional yang Digunakan

Perkhidmatan kontrak dan profesional asing yang digunakan oleh PABK utama adalah pelbagai jenis termasuk perkhidmatan kejuruteraan dan teknikal, kajian kemungkinan/penyelidikan pengurusan projek, pembangunan pengurusan/khidmat nasihat profesional dan pembangunan sumber manusia. Terdapat juga perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti audit, landskap dan keselamatan yang telah diimport.

Perkhidmatan kejuruteraan telah menjadi bertambah ketara bagi tempoh tersebut, meningkat dari RM150 juta dalam tahun 1990 kepada RM1 bilion dalam tahun 1994. Dari segi penggunaan, perkhidmatan kejuruteraan adalah komponen terbesar, berjumlah kira-kira 83% dari jumlah import perkhidmatan dan kontrak oleh PABK pada tahun 1994. Jenis perkhidmatan kejuruteraan yang diperolehi dari luar negeri kebanyakannya dalam bidang kejuruteraan elektrik, jentera, awam dan perkhidmatan geo-teknikal. Projek-projek yang terlibat termasuk stesen jana kuasa, loji petrokimia, kilang besi, haidero elektrik, telekomunikasi, pelabuhan dan saluran gas. Bagi beberapa projek besar, syarikat asing mengadakan perjanjian secara pakej dengan PABK dan seterusnya terlibat dalam penyediaan perkhidmatan kejuruteraan, perolehan bahan, pembinaan dan akhirnya mengawalselia projek. Negara-negara utama yang membekalkan perkhidmatan kejuruteraan kepada PABK ialah Jepun, UK, AS dan Perancis. Perancis khususnya telah muncul sebagai salah satu pembekal utama di mana eksport meningkat dari RM1.6 juta pada tahun 1990 kepada RM181 juta dalam tahun 1994. Pembekal-pembekal utama lain termasuk Singapura dan Korea Selatan.

Jadual 2

Bayaran oleh PABK berbanding Jumlah Bayaran bagi Perkhidmatan Kontrak dan Profesional (RM juta)

	1990	1991	1992	1993	1994
Bayaran oleh PABK	325.8	369.4	582.4	857.4	1,202.5
Jumlah bayaran bagi Perkhidmatan kontrak dan profesional	2,150.0	3,300.0	3,517.0	4,485.0	4,647.0
% pecahan	15.1	11.2	16.5	19.1	25.8

Jadual 3

**Nilai Import Perkhidmatan dan Profesional oleh PABK
mengikut Negara
(RM Juta)**

	1990	1991	1992	1993	1994	Jumlah terkumpul 1990-94
Japan	177.2	222.4	432.9	433.3	519.3	1,785.2
% pecahan	54.4	60.2	74.3	50.5	43.2	
United Kingdom	20.1	55.5	66.3	133.8	181.5	457.5
% pecahan	6.2	15.0	11.4	15.6	15.1	
Peranchis	1.6	3.4	2.0	133.5	181.7	322.1
% pecahan	0.5	0.9	0.3	15.6	15.1	
Amerika Syarikat	21.9	55.0	56.5	83.5	101.7	318.7
% pecahan	6.7	14.9	9.7	9.7	8.5	
Singapura	3.3	0.4	2.7	5.7	42.7	54.8
% pecahan	1.0	0.1	0.5	0.7	3.5	
Korea Selatan	0.9	1.0	1.2	3.4	45.3	51.7
% pecahan	0.3	0.3	0.2	0.4	3.8	
Lain-lain	100.8	31.7	20.8	64.1	130.3	347.8
% pecahan	30.9	8.6	3.6	7.5	10.8	
JUMLAH	325.8	369.4	582.4	857.3	1,202.5	3,337.6

Jadual 4

**Bayaran oleh PABK bagi kategori tertentu Perkhidmatan
Kontrak dan Profesional
(RM Juta)**

	1990	1991	1992	1993	1994
Kejuruteraan	149.7	202.3	171.2	635.4	1,008.8
% pecahan	45.9	54.7	29.3	74.1	83.2
Pengurusan projek	18.1	34.6	35.3	93.7	82.4
% pecahan	5.5	9.4	6.0	10.9	6.8
Pembangunan pengurusan/ khidmat nasihat profesional	1.4	8.0	9.8	44.1	50.2
% pecahan	0.4	2.1	1.7	5.1	4.2
Pembangunan sumber manusia	0.7	5.6	16.2	5.5	10.6
% pecahan	0.2	1.5	2.8	0.6	0.9
Kajian kemungkinan/ penyelidikan	3.3	5.6	7.2	6.4	9.6
% pecahan	1.0	1.5	1.2	0.7	0.8
Lain-lain (perolehan, audit, landskap, keselamatan)	152.7	113.3	342.7	72.2	48.9
% pecahan	46.8	30.6	58.8	8.4	4.1
JUMLAH	325.9	369.4	582.4	857.3	1,202.5

Bayaran bagi perkhidmatan pengurusan projek juga meningkat daripada RM18 juta pada tahun 1990 kepada RM82 juta pada tahun 1994, menunjukkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 89%. Walau bagaimanapun hanya merupakan kira-kira 7% daripada jumlah bayaran tahun 1994. Kepakaran dalam bidang ini digunakan terutamanya untuk membantu projek pembesaran kilang dan pelabuhan. UK merupakan negara utama membekal perkhidmatan pengurusan projek, merangkumi 92% daripada jumlah import oleh PABK. Pembekal-pembekal lain termasuk Jepun dan Switzerland.

Penggunaan perkhidmatan oleh PABK di dalam bidang pengurusan pembangunan/khidmat nasihat profesional walaupun dalam jumlah yang kecil telah meningkat dengan ketara daripada RM1.4 juta kepada RM50 juta dalam tahun 1994. Ini berlaku melalui pengimportan perkhidmatan juruperunding untuk membangunkan sistem kewangan, meningkatkan keupayaan kilang, perancangan korporat, pengurusan organisasi dan teknologi maklumat. Pembekal utama perkhidmatan tersebut kepada PABK ialah Jepun, UK, Sweden, Australia dan Singapura.

Import perkhidmatan dalam bidang pembangunan sumber manusia oleh PABK berjumlah RM10.6 juta pada tahun 1994. Perkhidmatan tersebut adalah dalam bentuk latihan semasa bekerja bagi memindahkan kepakaran teknikal kepada pekerja-pekerja tempatan, latihan umum di samping pembangunan personel. Pembekal utama terdiri daripada Jepun, UK dan AS.

Kajian kemungkinan/penyelidikan juga merupakan bidang di mana juruperunding asing selalu digunakan. Bayaran yang hanya pada RM3.3 juta dalam 1990 telah mengikat hampir 3 kali ganda kepada RM9.6 juta pada tahun 1994. Kajian kemungkinan/penyelidikan kebanyakannya telah dilaksanakan di dalam bidang projek janakuasa, telekomunikasi, pelabuhan dan eksplorasi minyak dan gas. PABK mendapat sumber perkhidmatan juruperunding di dalam bidang ini kebanyakannya dari UK, AS, Australia dan Holland.

Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang diimport oleh PABK termasuk perolehan barangan, pemasaran, pembangunan sistem keselamatan, perkhidmatan audit dan landskap. Perolehan barangan merupakan komponen penting yang biasanya merupakan sebahagian daripada pakej perjanjian projek yang dipersetujui di antara PABK dan firma asing. Pembekal utama termasuk Jepun, AS dan Kanada.

Sebab-sebab Penggunaan Perkhidmatan Kontrak dan Profesional Asing

Kekurangan kepakaran tempatan, kemahiran yang khusus dan pengalaman firma asing, dinyatakan sebagai sebab-sebab utama perkhidmatan juruperunding asing diperolehi. Bagi kebanyakan projek-projek besar, teknologi yang canggih dan kepakaran teknikal adalah perlu untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek. Memandangkan bilangan rakyat Malaysia yang memiliki kepakaran teknikal tersebut agak terhad, banyak PABK mendapatkan sumber dari luar negara. Firma asing juga dipilih kerana mereka menawarkan perkhidmatan yang khusus dan kualiti dari segi teknikal memandangkan pendedahan yang lama melalui penglibatan yang aktif di dalam projek-projek yang sama di negara-negara lain.

Penggunaan profesional asing telah membantu pemindahan teknologi kepada kakitangan teknikal tempatan. Beberapa kontrak projek PABK diberi atas dasar bahawa pemindahan teknologi akan berlaku. Di dalam beberapa bidang tertentu, firma asing membawa bersama mereka teknologi terkini untuk digunakan dalam proses pengeluaran. Sebagai tambahan, pembelian teknologi import bagi projek-projek besar melibatkan pemasangan peralatan yang khusus yang biasanya mengambil kira penggunaan pakar-pakar teknikal asing bagi tujuan mereka bentuk, pemasangan, pengawalseliaan dan membaik-pulih. Tambahan pula, beberapa projek yang dilaksanakan oleh PABK adalah dalam bentuk usahasama. Ini akan melibatkan penggunaan pakar-pakar dari firma usahasama tersebut.

Usaha-usaha untuk Mengurangkan Defisit

Pergantungan yang berterusan kepada perkhidmatan asing yang mengakibatkan aliran keluar bayaran oleh PABK merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian serius. Memandangkan keseluruhan defisit akaun perkhidmatan secara berterusan semakin bertambah, segala usaha perlu diambil untuk mengurangkan import perkhidmatan, termasuk oleh PABK. Di dalam hubungan ini, usaha telah diambil untuk memberi peluang yang lebih kepada pembekal perkhidmatan kontrak dan profesional tempatan. Bagi menyokong polisi tersebut, Kerajaan baru-baru ini telah memperkenalkan beberapa dasar baru berhubung dengan pemberian kontrak dan tender syarikat-syarikat milik Kerajaan dan di syarikat di mana Kerajaan mempunyai kepentingan. Dokumen

Jadual 5

**Penggunaan oleh PABK bagi Kontrak dan Profesional
mengikut Kategori dan Negara Asal
(RM Juta)**

<i>Kategori/Negara</i>	<i>1990</i>	<i>1991</i>	<i>1992</i>	<i>1993</i>	<i>1994</i>
Kejuruteraan					
United Kingdom	0.9	16.8	19.9	31.8	87.7
Jepun	30.8	102.0	100.6	392.5	478.0
United States	14.9	53.9	18.7	42.0	76.4
Singapura	2.3	0.1	0.2	1.2	39.3
Korea Selatan	0.9	1.0	1.2	3.4	45.3
Perancis	1.6	2.7	0.6	133.5	181.7
Negara-negara lain	98.2	25.8	20.0	31.0	92.4
JUMLAH	149.6	202.3	171.2	635.4	1,000.8
Pengurusan Projek					
United Kingdom	18.1	34.6	35.3	92.7	75.8
Switzerland	0	0	0	1.0	1.3
Jepun	0	0	0	0	5.2
JUMLAH	18.1	34.6	35.3	93.7	82.3
Pembangunan Pengurusan/ Khidmat Nasihat Profesional					
Sweden	0.8	1.3	0.5	1.7	15.3
United Kingdom	0.1	1.5	2.4	6.4	13.9
Jepun	0.2	4.4	4.6	17.2	11.9
Australia	0	0.3	0.7	1.0	6.9
Singapura	0	0	0.6	0.6	1.4
Negara-negara lain	0.3	0.4	1.0	17.1	0.8
JUMLAH	1.4	7.9	9.8	44.0	50.2
Pembangunan Sumber Manusia					
Jepun	0.5	5.2	7.5	3.1	3.1
United Kingdom	0.1	0.2	6.6	0.7	0.6
Amerika Syarikat	0	0	0.1	0.3	0.2
Negara-negara lain	0.1	0.2	2.0	1.4	0.6
JUMLAH	0.7	5.6	16.2	5.5	10.5
Kajian Kemungkinan/Penyelidikan					
Holland	0	0	0.1	0	1.4
Australia	0.1	0.3	0.8	0.8	1.9
United Kingdom	0.9	2.3	2.0	2.1	2.5
Amerika Syarikat	0.2	1.5	2.0	1.3	1.2
Negara-negara lain	2.1	1.5	2.2	2.2	2.6
JUMLAH	3.3	5.6	7.1	6.4	9.6
Lain-lain					
Jepun	145.6	110.8	310.2	20.5	21.0
Amerika Syarikat	6.9	1.1	25.8	24.1	15.9
Kanada	0	0	2.8	10.8	7.5
Negara-negara lain	0.2	1.4	3.9	16.6	4.5
JUMLAH	152.7	113.3	342.7	72.0	48.9

tender antarabangsa kini mesti memastikan penglibatan aktif syarikat tempatan dan bidang di mana syarikat tempatan boleh terlibat secara aktif perlu dikenalpasti. Satu lagi langkah tambahan yang diambil ialah kerja-kerja kejuruteraan awam mesti diberi kepada syarikat tempatan. Oleh yang demikian, tender bagi kerja-kerja tersebut mesti dimasukkan ke dalam dokumen tender yang berasingan atau tawaran kerja berkenaan dikeluarkan daripada tender antarabangsa. Tujuannya ialah untuk mengurangkan kos dan menjaga kepentingan syarikat-syarikat tempatan. Kerajaan akan terus menguatkuasa polisi tersebut untuk membantu pembekal-pembekal perkhidmatan tempatan. Pembekal-pembekal perkhidmatan Malaysia dengan itu patut meningkatkan usaha bagi melengkapkan diri untuk merebut peluang-peluang yang semakin bertambah.

Kepakaran tempatan untuk melaksanakan projek yang memerlukan tingkat teknologi yang tinggi dan canggih mungkin tidak didapati dan dengan yang demikian negara terpaksa bergantung kepada kepakaran asing. Pada kebiasaannya, di dalam keadaan inilah projek-projek besar diberikan kepada firma-firma asing. Beberapa projek tersebut telah menyediakan peluang yang besar kepada PABK dan kepada pembekal-pembekal perkhidmatan tempatan untuk mendapatkan teknologi terkini dan canggih. Walaupun memang wujud pemindahan teknologi, masih ada ruang untuk peningkatannya. Projek-projek ini menyediakan peluang untuk memperolehi teknik dan teknologi baru. Adalah menjadi tanggungjawab sektor swasta pada amnya, dan PABK khususnya, untuk memastikan pemindahan teknologi yang lebih berkesan. Mereka perlulah komited ke arah membina kekuatan dan keupayaan bagi membolehkan mereka bersaing dengan syarikat asing di Malaysia dan di luar negara. Ini akan memberi kesan dengan mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing, merangsang pembekal-pembekal perkhidmatan tempatan untuk terus berkembang disamping menambah pendedahan yang akan meningkatkan keupayaan untuk mengeksport perkhidmatan mereka.

Kerjasama perlu ditingkatkan di antara syarikat Malaysia dan asing melalui gabungan usahasama yang akan membantu proses pemindahan teknologi yang berterusan kepada profesional tempatan. Sebahagian daripada PABK telahpun menjalankan langkah-langkah ke arah ini. PABK yang utama perlu memberi pertimbangan untuk mengambil alih firma asing yang berorientasikan teknologi tinggi sebagai satu cara untuk memperolehi kepakaran khusus di bidang-bidang seperti kejuruteraan dan pembangunan perisian komputer. Di samping itu, lebih banyak PABK perlu menjalin hubungan dengan universiti tempatan untuk memajukan kepakaran tempatan dalam industri ini.

Kesimpulan

Adalah nyata bahawa aliran bayaran asing oleh PABK merupakan bahagian yang ketara daripada jumlah aliran keluar perkhidmatan kontrak dan profesional. Negara ini memberi penekanan yang besar kepada perindustrian sebagai satu usaha untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Dalam proses tersebut tidak dapat dielakkan projek infrastruktur dan kemudahan awam akan terus dirancang dan dilaksanakan. Sesetengah PABK utama akan mengendalikan projek-projek berkenaan. Sekiranya kepakaran dan teknologi terkini yang diperlukan tidak diperolehi, PABK akan terus bergantung kepada pembekal kontrak dan profesional asing. Yang penting ialah usaha yang bersungguh-sungguh untuk melibatkan pembekal tempatan di dalam perkhidmatan berkenaan. Pemindahan teknologi kepada rakyat Malaysia perlu dilakukan secara berterusan supaya dalam jangka masa tertentu perkhidmatan tersebut tidak perlu diimport lagi. Kemahiran ini bila diperolehi, akan membolehkan Malaysia mengeksport perkhidmatan tersebut ke pasaran luar negara, khususnya ke negara-negara jiran. Kombinasi polisi dari segi gantian import dan promosi eksport sepatutnya dalam jangka masa panjang akan menyumbang ke arah pengurangan defisit di dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran.

Pada tahun 1995, akaun **pengangkutan lain** yang meliputi tambang penumpang, bayaran pelabuhan dan lapangan terbang, bayaran penyewaan dijangka mencatatkan lebih banyak RM0.5 bilion, sama seperti yang dicatatkan pada tahun 1994. Jumlah terimaan akaun pengangkutan lain dijangka meningkat kepada RM4.7 bilion pada tahun 1995, berbanding dengan RM3.7 bilion yang dicatatkan pada tahun 1994, terutamanya disebabkan pendapatan oleh syarikat penerbangan Malaysia yang lebih tinggi hasil daripada peningkatan keupayaan dan peningkatan bilangan penumpang asing. Sebaliknya, bayaran kasar pengangkutan lain dianggarkan meningkat daripada RM3.2 bilion pada tahun 1994 kepada RM4.2 bilion pada tahun 1995.

Akaun **urus niaga kerajaan** dijangka bertambah baik pada tahun 1995. Akaun ini dijangka mencatatkan defisit yang kecil sebanyak RM1 juta, berbanding dengan aliran keluar bersih sebanyak RM36 juta dicatatkan pada tahun 1994. Dengan jangkaan peningkatan terimaan daripada kerajaan-kerajaan asing yang beroperasi di Malaysia, jumlah penerimaan urus niaga kerajaan dijangka meningkat sedikit kepada RM362 juta, manakala jumlah perbelanjaan oleh pelbagai perwakilan Malaysia di luar negeri dijangka meningkat dengan kadar yang lebih perlahan, berjumlah RM363 juta.

Meskipun terdapat lebih dalam akaun-akaun perjalanan dan pengangkutan lain, ianya tidak mencukupi untuk mengimbangi jumlah aliran keluar bersih yang dicatatkan oleh pendapatan pelaburan, tambang dan insurans serta perkhidmatan-perkhidmatan lain. Oleh itu, defisit akaun perkhidmatan dijangka terus besar sebanyak RM18 bilion pada tahun 1995, berbanding dengan RM15.9 bilion pada tahun 1994. Dengan akaun dagangan juga mencatatkan defisit, **akaun semasa** imbalan pembayaran dijangka akan mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM18.1 bilion atau bersamaan dengan 9% daripada KNK, berbanding dengan defisit RM11 bilion atau 6.2% daripada KNK pada tahun 1994.

Akaun Modal

Akaun modal jangka panjang dijangka akan mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih besar, sebanyak RM18.5 bilion pada tahun 1995, berbanding dengan RM11.9 bilion dicatatkan pada tahun 1994. Kenaikan ini adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan besar aliran masuk

modal rasmi jangka panjang, hasil pinjaman luar negeri yang bertambah oleh beberapa PABK, terutamanya Petronas, Syarikat Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad, dan aliran masuk bersih pelaburan korporat.

Modal rasmi jangka panjang imbalan pembayaran dijangka mencatatkan aliran masuk bersih RM3.7 bilion pada tahun 1995, berbanding dengan aliran masuk bersih sebanyak RM0.5 bilion sahaja pada tahun 1994. Aliran masuk bersih yang lebih besar ini adalah terutamanya disebabkan oleh pinjaman luar negeri oleh beberapa PABK yang terus besar. Jumlah pinjaman yang diambil oleh PABK yang kebanyakannya tidak dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, dijangka akan mencapai RM7.2 bilion, sementara bayaran kasar dijangka terus besar sebanyak RM2.1 bilion. Aliran masuk bersih pelaburan korporat asing dijangka akan meningkat daripada RM11.4 bilion pada tahun 1994 kepada RM14.8 bilion pada tahun 1995. Aliran masuk bersih pelaburan korporat asing yang berterusan besar mencerminkan kesan aliran masuk besar pelaburan baru serta pelaburan semula oleh syarikat asing, yang lebih daripada mencukupi untuk menampung peningkatan pelaburan di luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Dengan jangkaan aliran masuk bersih modal jangka panjang yang lebih besar daripada defisit akaun semasa, **imbangan asas** dijangka akan mencatatkan lebih kecil, sebanyak RM398 juta pada tahun 1995, berbanding dengan lebih banyak RM891 juta pada tahun 1994. Selepas mengambil kira jangkaan aliran keluar bersih modal swasta jangka pendek serta ralat dan ketinggalan sebanyak RM1.6 bilion (defisit RM9.2 bilion pada tahun 1994), kedudukan keseluruhan imbalan pembayaran dijangka akan mencatatkan defisit sebanyak RM1.2 bilion pada tahun 1995, berbanding dengan defisit keseluruhan sebanyak RM8.3 bilion pada tahun 1994. Oleh itu, **rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia** dijangka akan berkurang sebanyak RM1.2 bilion kepada RM67 bilion pada akhir tahun 1995, cukup untuk membiayai 4.4 bulan import dagangan tertangguh.

Pasaran Pertukaran Wang Asing

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, nilai ringgit (RM) meningkat berbanding beberapa matawang utama di pasaran matawang

antarabangsa, kecuali matawang Swiss franc dan deutschemark. Nilai ringgit mulai merosot berbanding dengan semua matawang utama kecuali dolar AS (AS\$) dalam tempoh suku tahun pertama 1995. Akibat daripada kenaikan tekanan terhadap dolar AS, nilai ringgit telah jatuh berbanding dengan yen Jepun, pound sterling, deutschemark dan dolar Singapura. Namun begitu, menjelang akhir bulan Mac 1995 nilai ringgit meningkat secara perlahan, khususnya berbanding dolar AS dan pound sterling kerana sentimen pasaran terhadap ringgit bertambah baik berikutan dengan pengumuman data yang menunjukkan prestasi ekonomi Malaysia terus kukuh. Sepanjang tempoh April hingga Julai nilai ringgit terus kukuh, terutamanya disebabkan oleh kemerosotan dolar AS di pasaran pertukaran asing. Pada akhir Ogos 1995, ringgit terus kukuh berbanding dengan dolar AS pada kadar RM2.4966=AS\$1 walaupun dolar AS telah mulai pulih di pasaran matawang asing pada pertengahan Ogos 1995.

Berbanding dengan indeks komposit (1991=100) iaitu matawang-matawang rakan perdagangan utama Malaysia, nilai ringgit meningkat sebanyak 1.5% daripada kedudukan pada akhir tahun 1994. Begitu juga, nilai ringgit telah meningkat sedikit pada kadar 0.9% berbanding dengan Hak Pengeluaran Khas (SDR), iaitu unit perakaunan bagi Tabung Matawang Antarabangsa. Dalam tempoh kajian, jumlah keseluruhan urusniaga pasaran pertukaran asing berjumlah RM498 bilion, di mana sebanyak 77.5% adalah menggunakan dolar AS.

Secara keseluruhannya, nilai ringgit adalah stabil berbanding **dolar AS (AS\$)** dalam tempoh Januari-Ogos 1995 sungguhpun matawang-matawang utama lain meningkat berbanding dengan dolar AS di pasaran pertukaran asing. Kejatuhan nilai dolar AS disebabkan oleh kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, berpunca daripada krisis kewangan Mexico. Dalam tempoh suku pertama tahun 1995, nilai ringgit meningkat sebanyak 0.9% kepada tahap AS\$1=RM2.5353 berbanding dengan kadar pertukaran AS\$1=RM2.5578 pada akhir tahun 1994. Arah aliran ini berterusan sehingga Ogos 1995, bila ringgit terus meningkat kepada AS\$1=RM2.4393 pada Jun 1995. Kadar pertukaran ini merupakan suatu kenaikan yang besar pernah dicatatkan semenjak 9 tahun yang lalu. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kedudukan dolar AS yang terus lemah berbanding nilai yen Jepun dan matawang utama Eropah di pasaran matawang asing antarabangsa memandangkan


masalah defisit perdagangan dengan Jepun dan pertikaian mengenai perdagangan yang berterusan. Walau bagaimanapun, dolar AS mulai pulih pada pertengahan Ogos berikutan dengan campurtangan secara agresif oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat, Bundes Bank dan Bank Pusat Jepun untuk menyokong nilai dolar.

Sungguhpun nilai ringgit terus lemah berbanding dengan nilai **yen Jepun (¥)** bagi tempoh sebahagian besar tahun 1995, namun keadaan mulai pulih semenjak pertengahan Ogos setelah nilai ringgit mencatatkan peningkatan pada akhir Ogos 1995. Pengukuhan nilai yen Jepun berbanding dolar AS di pasaran pertukaran asing antarabangsa telah menyebabkan nilai ringgit terus merosot berbanding dengan yen Jepun dalam tempoh lima bulan pertama 1995 kepada RM2.9765=¥100, daripada RM2.5603=¥100 pada akhir tahun 1994. Nilai ringgit telah merosot sebanyak 9.3% pada tahun 1994. Namun begitu, nilai ringgit bertambah kukuh semenjak Mei 1995 pada kadar RM2.8806=¥100 pada 30 Jun 1995 disebabkan oleh pemulihan prestasi dolar AS di pasaran pertukaran asing. Pada akhir Ogos 1995, nilai ringgit meningkat dengan ketara berbanding dengan yen Jepun pada kadar RM2.5385=¥100, berbanding dengan kadar pertukaran RM2.5603=¥100 pada akhir tahun 1994.

Nilai ringgit yang agak stabil berbanding dengan **pound sterling (£)** dalam tahun 1994, telah jatuh sebanyak 2% dalam tempoh suku pertama tahun 1995. Pada 31 Mac 1995, nilai ringgit merosot sedikit kepada RM4.0700=£1, berbanding dengan RM3.9901=£1 pada akhir tahun 1994. Walau bagaimanapun, selepas tempoh tersebut nilai ringgit mulai kukuh pada kadar RM3.8800=£1 pada 30 Jun 1995 akibat daripada faktor-faktor politik dan ekonomi yang telah menjejaskan pengukuhan pound sterling di pasaran pertukaran asing. Kedudukan pada akhir Jun 1995, menunjukkan nilai ringgit meningkat sebanyak 2.8% mencapai tahap RM3.8800=£1, berbanding dengan RM3.9901=£1 pada akhir tahun 1994. Kedudukan nilai ringgit berbanding pound sterling terus mantap kepada RM3.8564=£1 pada 30 Ogos 1995.

Walaupun nilai ringgit merosot dengan ketara berbanding dengan **dolar Singapura (S\$)** dalam suku pertama tahun 1995, tetapi paras kemerosotannya telah menjadi lebih perlahan pada akhir Ogos 1995. Pengukuhan nilai dolar Singapura adalah hasil daripada polisi pihak berkuasa kewangan Singapura yang ingin mengekalkan

Carta 7.9
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia ^{1/}



^{1/} Pada akhir Mac, Jun, September and Disember

^{2/} RM = ¥ 100

^{3/} Pada 30 Ogos 1995

Kenaikan nilai Ringgit Malaysia
Kesusutan nilai Ringgit Malaysia

pengukuhan matawang negara tersebut untuk mengawal inflasi dan menggalakkan penggunaan dolar Singapura sebagai 'safe-haven currency'. Dalam tempoh suku pertama tahun 1995, nilai ringgit merosot sebanyak 2% bila diniagakan pada kadar RM1.7867=SS\$1 pada 30 Mac 1995, berbanding dengan RM1.7513=SS\$1 pada akhir tahun 1994. Namun begitu, arah aliran ini mula berubah pada akhir Mac 1995, berikutan dengan pengumuman maklumat makroekonomi Malaysia yang terus menggalakkan hingga mendorong peningkatan nilai ringgit pada kadar RM1.7467=SS\$1 pada 30 Jun 1995, iaitu meningkat sebanyak 0.3% dibandingkan dengan kedudukannya pada akhir tahun 1994. Pada akhir Ogos 1995, nilai ringgit ditutup pada kadar RM1.7553=SS\$1.

Begitu juga nilai ringgit telah merosot secara sederhana berbanding dengan **deutschemark (DM)** dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995. Nilai ringgit yang merosot sebanyak 5.4% berbanding deutschemark pada tahun 1994, terus jatuh sebanyak 8.4% pada kadar RM1.7988=DM1 pada 31 Mac 1995, berbanding dengan RM1.6470=DM1 pada akhir tahun 1994. Pengukuhan nilai deutschemark sebahagiannya adalah hasil daripada kenaikan permintaan bagi matawang tersebut di kalangan negara-negara Eropah kerana mereka menganggap deutschemark sebagai 'safe-haven currency' akibat ketidakpastian dolar AS berikutan daripada krisis Mexico. Walau bagaimanapun, pada akhir Ogos 1995, nilai ringgit pulih daripada kejatuhan awal dan hanya merosot secara sederhana sebanyak 2.6% kepada RM1.6907 = DM1 berbanding dengan kadar RM1.6470=DM1 pada akhir tahun 1994.

Tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 juga menyaksikan nilai ringgit terus jatuh berbanding dengan nilai **Swiss franc (SF)**. Nilai ringgit yang merosot sebanyak 6.3% dalam tahun 1994, terus jatuh sebanyak 10.2% dalam tempoh suku pertama tahun 1995 hingga mencapai paras paling rendah iaitu RM2.1780=SF1 pada akhir April 1995, berbanding dengan RM1.9469=SF1 pada akhir tahun 1994. Namun begitu, semenjak Mei 1995, nilai ringgit menunjukkan sedikit peningkatan berbanding SF setelah diniagakan pada kadar RM2.0531=SF1 pada akhir Ogos 1995 hasil daripada kenaikan nilai ringgit berbanding dolar AS. Sebaliknya, kedudukan nilai ringgit mencatatkan kenaikan yang agak tinggi (12.6%) berbanding dengan dolar Taiwan pada akhir Ogos 1995 jika dibandingkan dengan kedudukan pada akhir tahun 1994.